

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"KITA selaku hamba Allah, dituntut untuk muhasabah, sama ada kita telah menyempurnakan kewajipan atau tanggungjawab, terutama kewajipan menunaikan hak-hak Allah dan hak-hak kita sesama manusia".
- Titah Sempena Awal Tahun Hijrah 1441.

Waktu Sembahyang



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

قُلْ بِرَوْحَةٍ

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Anas bin Malek Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Hendaklah kalian menjauhi sifat hasad degki, kerana sesungguhnya ia memakan kebaikan, sebagaimana api memakan kayu kering".
- Riwayat Al-Imam Abu Daud.

TAHUN 65 / BILANGAN 28

IMSAK
5.03

SUBUH
5.13

SYURUK
6.31

DUHA
6.53

ZUHUR
12.33

ASAR
3.48

MAGHRIB
6.33

ISYAK
7.42

4 MAC 2020 / 1441 رجب 9

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

Berita Utama



PENANDATANGANAN
MoU UNISSA - MSU -
TCTO

Muka 3



PENYERAHAN E-Poster
Ulang Tahun JBP Ke-60

Muka 7



KEMENTERIAN Kesihatan
sambut Hari
Pendengaran Sedunia
2020

Muka 12



SIRIH Junjung tetap
relevan di setiap Majlis
Hantaran Pertunangan

Muka 21

KSSUP tinjau Tapak Perusahaan Ternakan Udang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUTONG, Isnin, 2 Mac. - Tapak Perusahaan Ternakan Udang, Sungai Penyantang, Telisai, dan Stesen Pam Bekalan Air Laut Kampung Keramat, Daerah Tutong menjadi tumpuan lawatan rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini.

Lawatan yang diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong tersebut merupakan beberapa siri lawatan yang diatur oleh KSSUP bagi melihat dengan lebih dekat perkembangan industri perikanan di kawasan berkenaan.

Ke muka 4

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa menyaksikan lebih dekat hasil penuaan udang di Tapak Perusahaan Ternakan Udang, Sungai Penyantang, Telisai.



Erat hubungan pertahanan dua hala, pelbagai hala

Oleh : Khartini Hamir

BOLKIAH GARISON, Selasa, 3 Mac. - Vice-Minister of Defense for International Affairs Jepun, Tuan Yang Terutama Yasunori Nishida membuat kunjungan hormat kepada Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohammad Yussof.

Turut hadir dalam kunjungan hormat itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Eiji Yamamoto.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak mengesahkan hubungan yang mesra di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun, di samping kedua-dua belah pihak juga menyatakan rasa puas hati atas interaksi pertahanan dua hala juga pelbagai hala yang komprehensif, termasuk dalam pertukaran lawatan dan kehadiran dalam Japan-ASEAN Defense Vice-Ministerial Forum.

Ke muka 3

AMBD jalankan kaji selidik perniagaan terpilih

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD)

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) akan menjalankan kaji selidik ke atas perniagaan-perniagaan yang terpilih untuk menubuhkan Indeks Sentimen Perniagaan - ISP (Business Sentiment Index - BSI) mulai 1 April 2020. Kaji selidik ini dijangka akan dilaksanakan secara bulanan.

ISP ini akan diterbitkan secara bulanan dengan objektif untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan-perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Lebih daripada 600 perniagaan daripada pelbagai sektor ekonomi di Negara Brunei Darussalam dipilih untuk ikut serta dalam kaji selidik ini.

Perniagaan-perniagaan yang terpilih akan menerima persuratan permakluman mengenai penglibatan masing-masing dalam kaji selidik ini.

Perniagaan-perniagaan tersebut juga dipohonkan untuk melantik seorang wakil yang bersesuaian untuk ditemu bual.

Temu bual tersebut akan dijalankan oleh beberapa orang kakitangan AMBD yang akan memperkenalkan diri sebelum sesi temu bual dimulakan.

Soalan-soalan yang akan diajukan adalah berkaitan dengan keadaan atau iklim perniagaan pada masa ini dan hadapan,

pelaburan, pengambilan pekerja, serta kos menjalankan perniagaan.

Maklum balas terhadap soalan-soalan yang akan dikemukakan dijangka bersifat kualitatif. Kesemua maklumat dan pandangan yang diberikan adalah sulit. Tiada maklumat peribadi akan dipohonkan, selain daripada nama dan maklumat perhubungan.

Mengukur tahap keyakinan perniagaan adalah penting kerana ia merupakan penunjuk utama bagi iklim perniagaan dan tahap keadaan ekonomi sesebuah negara secara amnya.

Keyakinan para peniaga merupakan elemen penting bagi pertumbuhan perniagaan dan pelaburan, di samping dapat menyokong peningkatan peluang pekerjaan.

Oleh itu, ISP akan memberikan maklumat tambahan yang bermanfaat mengenai keadaan ekonomi Negara Brunei Darussalam daripada perspektif para peniaga di negara ini.

Maklumat yang dikumpul secara berterusan ini juga diharap akan dapat membantu para penggubal dasar untuk menghasilkan dasar-dasar tertentu dalam terus menyokong pembangunan ekonomi.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai kaji selidik ini, orang ramai bolehlah merujuk ke nota teknikal dan senarai di laman sesawang AMBD, www.ambd.gov.bn.

Responden-responden yang ingin mengesahkan kesahihan penemu bual juga boleh menghubungi pihak AMBD menerusi talian +673 2382262.

Kementerian Kesihatan terus praktikkan amalan bersetujuan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, saya sangat gembira berada di sini bersama awda pagi ini pada Majlis Perasmian Simposium Perubatan Dalaman 2019. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa pengangur yang menjemput saya bagi merasmikan acara ini.

Selamat datang juga diucapkan kepada para penceramah dan perwakilan yang menghadiri simposium ini. Saya yakin bahawa semua perwakilan akan mendapat lebih banyak manfaat dari pengalaman dan pengetahuan berharga yang akan dikongsi oleh para penceramah dalam program hari ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan iklas kepada Jabatan Perubatan Dalaman, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan semua penaja yang telah berjaya menganjurkan acara ini.

Istilah 'Perubatan Dalaman' berasal dari Jerman pada 1880-an dan dianggap sebagai bidang perubatan di mana pakar perubatan menggunakan kemahiran klinikal mereka dan gabungan ujian makmal untuk mewujudkan diagnosis punca penyakit. Selama bertahun-tahun, sub-kepakaran berkembang dalam Perubatan Dalaman termasuk tetapi tidak terhad kepada Perubatan Akut, Kardiologi, Endokrinologi, Gastroenterologi, Perubatan Geriatric, Hematologi, Penyakit Berjangkit, Neurologi, Onkologi, Perubatan Paliatif, Perubatan Pernafasan dan Rheumatologi dan sebagainya.

Ketika kita menghadapi ancaman Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang semakin meningkat, kita pastinya mengalami tekanan yang semakin meningkat terhadap tuntutan penjagaan kesihatan yang mempunyai banyak kesan hiliran. Sebagai contoh, NCD membawa kepada peningkatan pesakit di hospital dengan adanya perubatan akut seperti serangan jantung dan strok. Pesakit yang datang dengan serangan jantung atau angin ahmar sering mempunyai penyakit sampingan yang lain. Doktor moden tidak hanya memberi tumpuan kepada merawat satu masalah khusus organ tetapi perlu mendekati pesakit dengan cara yang lebih holistik dan merawat pesakit secara keseluruhan.

Perubatan umum tetap merupakan asas dalam amalan klinikal kita ketika kita berhadapan dengan lebih ramai pesakit dengan penyakit yang semakin kompleks yang melibatkan pelbagai organ. Pakar penjagaan kesihatan menghadapi cabaran yang sukar untuk mengikuti perkembangan terbaru dalam pelbagai keperakaan perubatan. Walau bagaimanapun, adalah



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Simposium Perubatan Dalaman 2019 pada Ahad, 30 Rabiuulawal 1441 Hijrah bersamaan 17 November 2019 Masih di Dewan Kuliah, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

menjadi tanggungjawab kita untuk terus membangun dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran klinikal untuk bersaing dengan landskap Perubatan Dalaman yang sentiasa berubah, akhirnya untuk menyediakan penjagaan pesakit dan hasil yang terbaik.

Begitu juga, adalah tanggungjawab kita untuk melaksanakan tugas dengan cara menjaga dan menyumbang kepada keselamatan pesakit dan kualiti penjagaan keseluruhan. Kami tidak boleh mengatakan "kami dilatih cara ini pada masa dahulu" sebagai cara untuk mewajarkan piawaian dan kualiti penjagaan sekarang kerana sesuatu yang mudah dan biasa seperti gagal untuk mengenal pasti pesakit dengan betul atau dokumentasi tulisan yang tidak boleh dibaca dan salah, mengakibatkan kejatuhan mungkin kegagalan kita dalam era hak pesakit, doktor Google dan Medico-legal. Terdapat keperluan untuk sentiasa mutakhir mengikuti amalan terbaik dalam kualiti dan keselamatan pesakit jika kita mahu memenuhi ekspektasi dan kepercayaan pesakit.

Diakui, industri kesihatan tidak terkenal seperti organisasi kebolehpercayaan yang tinggi berbanding industri

penerbangan atau nuklear. Sebagai contoh, menurut satu kajian oleh Johns Hopkins pada 2016, lebih daripada 250,000 orang di Amerika Syarikat mati setiap tahun disebabkan kesilapan perubatan, menjadikannya punca kematian utama yang ketiga selepas penyakit jantung dan kanser.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan sentiasa mengamalkan dan terus menerima pakai inovasi amalan yang berkaitan daripada organisasi kebolehpercayaan yang tinggi terutama yang berkaitan dengan keselamatan pesakit. Satu inisiatif berterusan yang sedang digunakan sekarang ialah MOH Incident Reporting System. Sistem ini boleh diakses secara dalam talian dan kepada semua kakitangan. Inisiatif ini bermula pada bulan Februari tahun ini oleh Pejabat Kualiti, Urus Tadbir dan Inovasi dengan liputan pelaksanaan semasa sebanyak 80 peratus dan lebih daripada 1,200 penyertaan setakat ini. Objektif keseluruhan sistem ini adalah untuk meningkatkan keselamatan pesakit dan mempromosikan budaya keselamatan. Dengan menyediakan platform untuk melaporkan, kami ingin menggalakkan orang ramai untuk melaporkan secara bebas dalam persekitaran yang selamat, tanpa menyalahkan atau mempromosikan budaya menyalahkan. Pada akhirnya, sistem pelaporan kejadian menggalakkan ketelusan dan membantu mengenal pasti proses yang mempunyai jurang atau memerlukan penambahbaikan.

Apa yang kita pelajari dari sistem ini adalah bahawa kita mempunyai kesilapan dan pelanggaran. Yang lebih menggalakkan adalah bahawa para doktor aktif menyampaikan laporan insiden dan ahli farmasi adalah baik dalam pelaporan diri dan mereka menanggung beban membetulkan kesilapan yang dibuat oleh orang lain. Cabaran berterusan kami adalah akan sentiasa menjadi tindakan susulan, memenuhi jangkaan dan mengekalkan budaya keselamatan. Alhamdulillah, kita dapat membetulkan beberapa isu dan insyaaAllah, rancangan seterusnya sudah direncanakan.

Selain itu, sebagai tambahan, Kementerian Kesihatan juga menubuhkan Jawatankuasa Kualiti Dan Keselamatan Kebangsaan (NQPSC) pada bulan Julai 2018 yang bertanggungjawab mengenal pasti bidang penting yang menjadi keutamaan, mengajurkan dan memantau agenda keselamatan pesakit berdasarkan kualiti dan program keselamatan pesakit, membina kapasiti organisasi, menyediakan pengawasan dan menilai pelaksanaan inisiatif keselamatan pesakit. Untuk mencapai matlamat ini, Unit Keselamatan Pesakit diwujudkan di semua kemudahan penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam untuk

Ke muka 8

Dari Sidang Pengarang.

4 MAC 2020 BERSAMAAN 1441 9 رجب

HASAD DENGKI, MENGHAKIS AMAL KEBAIKAN

SALAH satu penyakit rohaniah dikategorikan sebagai unsur-unsur tercela (mazmumah) dan dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'alah ialah penyakit hasad dengki. Agama Islam amat malarang umatnya daripada terpengaruh atau memiliki sifat-sifat negatif seperti hasad dengki, kerana ia lebih banyak mendatangkan kemudarat kepada masyarakat umum.

Menyentuh mengenai hasad dengki ini, kita tertarik dengan petikan Khutbah Jumaat minggu lalu yang mengajak semua umat Islam agar menghindari diri daripada sifat hasad dengki. Kerana menurut perspektif Islam, penyakit hasad dengki boleh memberi implikasi yang negatif kepada pembentukan masyarakat umum. Secara jelasnya penyakit tersebut adalah berpunca daripada hati yang didominasi oleh perasaan dendam kesumat dan sifat amarah yang ada dalam diri manusia. Apabila individu manusia tenggelam dalam gelombang lautan hasad dengki ia boleh menjelaskan pertimbangan kewarasan akal dalam melakukan sesuatu tindakan.

Realitinya juga apabila diri manusia dikuasai oleh penyakit tersebut, ia boleh merosakkan iman dan secara tidak langsung akan jauh daripada taufiq dan hidayah Allah Subhanahu Wata'alah. Sama ada sedar ataupun tidak, kemenangan penyakit rohaniah yang berakar umbi itu akan membunuh nilai-nilai murni yang ada dalam diri. Impaknya, elemen-elemen negatif pasti memenuhi ruang-ruang dalam hati dan seterusnya akan mendorong manusia bertindak dengan cara yang salah dan di luar batas kemanusiaan.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda memberi peringatan tentang bahaya yang timbul akibat daripada penyakit hasad dengki yang bermaksud :

"Hasad dengki itu memakan (membinasakan) kebaikan, seperti api memakan (membakar) kayu kering." (Abu Daud dan Ibn Majah).

Hadir tersebut menjelaskan bahawa betapa besar bahayanya sifat hasad dengki itu sehingga seseorang yang mempunyai amal kebaikan akan hilang dan menjadi sia-sia kerana dihapuskan oleh sifat hasad dengki yang bersarang di dalam hati dan secara tidak langsung akan menutup qalbu daripada dinari nur Ilahi.

Perasaan hasad dengki tidak pernah mengenal pertalian darah atau keluarga, tidak mengenal sahabat dan rakan. Ini kerana hubungan keluarga yang rapat boleh menjadi renggang, sahabat yang akrab boleh menjadi musuh, rakan sekerja menjadi tidak sehaluan, demikian hebatnya perasaan hasad dengki.

Sesungguhnya agama kita malarang umatnya daripada bersifat dengki kerana sifat tersebut boleh memakan diri sendiri dan mendatangkan kesan yang buruk dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat mahupun bernegara.

Pada hakikatnya, hati nurani yang dibajai dengan cahaya iman akan memberi kesan yang positif kepada perilaku kita, khususnya umat Islam. Kekuatan iman itu akan menjadi senjata yang ampuh dalam menghadapi ujian dalam kehidupan. Tetapi sebaliknya, hati manusia yang sunyi dari cahaya keimanan akan diisi oleh bisikan hawa nafsu yang sentiasa dipandu oleh syaitan yang mendorong manusia melakukan perkara yang tidak baik dan keji. Dari itu, selaku umat Islam sama-sama lah kita menjauhi dan menghindari sifat hasad dengki, agar kita selamat di dunia dan selamat di akhirat. Aamiin!!! - Ketua Penyuntingan (Zs).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 °C	29 °C	30 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
30 °C	28 °C	29 °C
25 °C	24 °C	25 °C
°C	°C	°C
PEKAN TUTONG		
30 °C	28 °C	30 °C
25 °C	24 °C	25 °C
°C	°C	°C
KUALA BELAIT		
30 °C	29 °C	30 °C
25 °C	24 °C	25 °C
°C	°C	°C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi MAC	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
4	RABU	9	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33 7.42
5	KHAMIS	10	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33 7.42
6	JUMAAT	11	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33 7.42
7	SABTU	12	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33 7.42
8	AHAD	13	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.45	6.33 7.42
9	ISNIN	14	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33 7.42
10	SELASA	15	5.01	5.11	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33 7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN
KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC
2380214

Erat hubungan pertahanan dua hala, pelbagai hala



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid,
Ihsan Kementerian Pertahanan

Dari muka 1

Sebagai sebahagian daripada program TYT, beliau juga mengadakan pertemuan bersama Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Di samping itu, TYT juga berpeluang untuk membuat Lawatan ke Muzium ABDB dan beberapa lagi tempat menarik, seperti Muzium Alat Kebesaran Diraja dan Pusat Kajiselidik Botanikal, Universiti Brunei Darussalam.

VICE-Minister of Defense for International Affairs Jepun, Tuan Yang Terutama Yasunori Nishida membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua.

Penandatanganan MoU UNISSA - MSU - TCTO



BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 3 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan delegasi daripada Mindanao State University, Tawi-Tawi College of Technology and Oceanography (MSU - TCTO), Republik Filipina.

Kunjungan ini diteruskan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) di antara UNISSA bersama MSU - TCTO yang berlangsung di Bilik Senate, UNISSA, Gadong.

Menandatangani bagi pihak UNISSA, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal,

MENANDATANGANI bagi pihak UNISSA, Rektor UNISSA, manakala bagi pihak MSU - TCTO pula ditandatangani oleh Canselor Universiti berkenaan, Dr. Mary Joyce Z. Guinto-Sali, Ph.D.

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

manakala bagi pihak MSU-TCTO pula ditandatangani oleh Canselor Universiti berkenaan, Dr. Mary Joyce Z. Guinto-Sali, Ph.D.

Sebelum upacara penandatanganan MOU, Rektor UNISSA, terlebih dulu mengalukan kedatangan delegasi dan berharap bahawa dengan termeterainya penandatanganan MOU itu akan dapat menjalankan lagi hubungan kerjasama yang boleh diterokai dalam bidang-bidang yang tertentu.

Setakat ini, UNISSA mempunyai hubungan kerjasama melalui MOU dengan tiga universiti Republik Filipina dan melaksanakan beberapa aktiviti peringkat antarabangsa.

Canselor MSU - TCTO dalam ucapan balasnya pula amat berterima

kasih kepada UNISSA atas penerimaan sebagai rakan kongsi dalam bidang perkembangan ilmiah dan menjelaskan bahawa hubungan Negara Brunei Darussalam dengan Mindanao Tawi-Tawi telah lama wujud sejak zaman awal Kesultanan Brunei yang menyebarkan Dakwah Islam di Kepulauan Selatan Filipina dan untuk menyambung semula hubungan kerjasama ini, MSU - TCTO berhasrat untuk mengembangkan lagi konsep pengetahuan Agama Islam dalam program yang bersesuaian dengan bantuan dan sokongan UNISSA yang telah dikenal pasti mempunyai kemahiran tersebut.

Melalui Penandatanganan MOU ini, pihak MSU - TCTO merancang untuk menghantar beberapa orang pelajar untuk mengikuti kursus jangka panjang atau pendek dalam program kemahiran yang melibatkan bidang Syariah, Bahasa Arab dan Penyelidikan Halal.

Hadir menyaksikan penandatanganan MOU tersebut, Timbalan Rektor, Penolong Rektor UNISSA, beberapa Pegawai-pegawai Utama UNISSA dan seramai lima orang delegasi daripada MSU - TCTO.



ROMBONGAN Mindanao State University, Tawi-Tawi College of Technology and Oceanography (MSU - TCTO), Republik Filipina ketika sesi bergambar ramai bersama rombongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

KSSUP tinjau Tapak Perusahaan Ternakan Udang



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada sesi bergambar ramai di Stesen Pam Air Laut Kampung Keramut, Tutong.

Dari muka 1

Lawatan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dimulakan di Tapak Ternakan Udang Sungai Penyatang seluas 200 hektar dipunyai oleh Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Menteri berserta rombongan diberikan penerangan daripada Pengarah Syarikat, Richard Chuang Hsi Shan mengenai operasi ladang tersebut dan seterusnya melihatkan demonstrasi alat Automated Water

Quality yang dapat memperkenalkan data parameter air dalam kolam-kolam ternakan udang di ladang tersebut seperti kadar kemasinan, kadar larutan oksigen, suhu dan lain-lain parameter air melalui sistem sensor dan elektronik berkomputer menggunakan teknologi Internet of Things (IOT).

Rombongan kemudiannya dibawa menyaksikan aktiviti penuaan Udang Vannamei di Kawasan Zon 'A', Ladang Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd.

Sejumlah tiga tan metrik udang

diperoleh daripada hasil tuaian hari ini. Dengan tuaian itu, menjadikan setakat ini, jumlah keluaran udang laut dari ladang berkenaan berjumlah 104 tan metrik, terdiri daripada 44 tan metrik Udang Vannamei dan 60 tan metrik Udang Harimau hingga Mac 2020.

Syarikat ini menyasarkan keluaran udang berjumlah 2,000 tan metrik dengan nilai BND15.98 juta pada tahun 2020.

Udang Vannamei ini baru diperkenalkan untuk diternak di Negara Brunei Darussalam bermula Oktober 2019 sebagai

Permintaan Udang Rostris, Vannamei popular di luar negara

TUTONG, Isnin, 2 Mac. - Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd. menyasarkan untuk menghasilkan kira-kira 2,000 metrik tan ternakan udang laut pada tahun ini dan dipertingkatkan lagi sehingga 4,000 dan 5,000 metrik tan pada tahun hadapan.

Pengarah Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd., Richard Chuang Hsi Shan menjelaskan, 85 peratus adalah bagi pasaran luar negara (eksport), manakala 15 peratus lagi bagi pasaran tempatan.

Walau bagaimanapun jelasnya, syarikatnya mengutamakan permintaan pasaran tempatan terlebih dahulu kemudian barulah mereka memasarkan untuk pasaran ke luar negara.

Semasa ditemui sejurus lawatan rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ke Tapak Perusahaan Ternakan Udang di Sungai Penyatang, Telisi, beliau berkata, syarikatnya mengeksport ke beberapa buah negara luar, antaranya Australia, China, Singapura, Thailand dan Taiwan,

di mana Udang Rostris (Blue Shrimp) dan Vannamei (White Shrimp) sangat popular di luar negara.

Udang Vannamei merupakan udang yang baru diperkenalkan untuk diternak di Negara Brunei Darussalam bermula Oktober 2019 sebagai spesies tambahan bagi perusahaan ternakan udang laut di negara ini, selain daripada spesies Udang Rostris dan Udang Harimau yang sedia ada.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam melalui KSSUP dan Jabatan Perikanan tambahnya banyak memberi sokongan dan bantuan kepada pengusaha-pengusaha, seperti tanah, infrastruktur dan bekalan air dan elektrik bagi kemajuan akuakultur di negara ini.

"Saya sangat berterima kasih kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas bantuan yang diberikan dan saya gembira kerana usaha penternakan ini dapat dilaksanakan di negara ini."

Bagi tahun 2020 ini, mereka akan mempunyai kira-kira 138 buah ladang ternakan kolam bagi Udang Vannamei dan 62 buah ladang ternakan kolam bagi Udang Rostris.

Beliau menjelaskan, memandangkan Udang Rostris sudah diternak hampir 20 tahun di negara ini, sebilangan baka sudah semakin berkurangan, dan oleh kerana itu, mereka memulakan ternakan Udang Vannamei (White Shrimp) pada bulan Oktober tahun lalu.

Udang ini turut terkenal di luar negara dan ia boleh membesar sehingga 55 gram seekor.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong pula berkata, keluaran sektor perikanan, terutamanya udang dalam tempoh tiga tahun lalu berkurangan disebabkan pengeluaran udang melalui Blue Shrimp menghadapi sedikit penyakit.

Untuk mencegah merebak penyakit yang menyerang itu, ujar Yang Berhormat Menteri, aktiviti pengeluaran terpaksa dikurangkan bagi para pengusaha untuk membersihkan udang mereka.

"Masa ini kolam di Sungai Penyatang ini mula menternak udang jenis Vannamei sebagai alternatif. Manakala Blue Shrimp akan dimulakan lagi dalam setahun akan datang. Kajian juga sedang dilaksanakan untuk mendapatkan induk yang lebih baik dan kajian akan dibuat di sebuah pusat kajian



TEMPAT pemeliharaan udang tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

spesies tambahan bagi Perusahaan Ternakan Udang Laut di negara ini, selain daripada spesies Udang Rostris dan Udang Harimau yang sedia ada.

Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd. juga mempunyai perusahaan berintegrasi bagi keseluruhan rantaian ternakan udang, iaitu daripada perkembangan induk, penetasan, semai, pembesaran (grow-out) dalam kolam dan pemprosesannya.

Selain dari tapak di Sungai Penyatang seluas 200 hektar ini, syarikat ini turut mengusahakan ternakan Udang Rostris dan Vannamei di Tapak-tapak Ternakan di Kampung Keramut, Telisi seluas 31 hektar dan di Sungai Paku seluas 25 hektar, selain daripada melaksanakan Skim Contract Farming dengan beberapa buah ternakan udang yang lain.

Yang Berhormat Menteri seterusnya dibawa melihat kemudahan Stesen Pam Air Laut, Kampung Keramut yang disediakan oleh Jabatan Perikanan sebagai bantuan kerajaan bagi memudahkan operasi perusahaan ternakan udang laut dalam kolam pengusaha-pengusaha udang di Kawasan Tapak Ternakan Udang Kampung Keramut.

Stesen Pam tersebut kritikal bagi membekalkan air laut bagi operasi

ladang-ladang udang laut di kawasan tersebut. Stesen Pam Air Laut berkenaan akan dinaiktarafkan bagi memastikan air laut adalah mencukupi dan konsisten untuk dibekalkan ke ladang-ladang perusahaan ternakan udang laut dalam kolam kawasan Kampung Keramut yang keseluruhannya berjumlah 92 hektar.

Turut menyertai rombongan lawatan kerja, Setiausaha Tetap KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP juga Pemangku Pengarah Perikanan; dan Pegawai-pegawai Kanan KSSUP dan Jabatan Perikanan.



YANG Berhormat Menteri turut ditemui bual pada lawatan tersebut.



PENGARAH Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd., Richard Chuang Hsi Shan.



PEMANGKU Pengarah Perikanan, Dayang Noraini binti Haji Anggas, ketika ditemui semasa lawatan ke Stesen Pam Bekalan Air Laut Kampung Keramut.

menyediakan dua buah Pam Sump untuk dibekalkan kepada pengusaha.


Menurutnya, air laut ialah kritikal bagi operasi pengusaha-pengusaha ternakan udang dan kawasan tersebut jelasnya dapat menghasilkan kira-kira 800 hingga ke 900 tan metrik udang setahun.

Baru-baru ini tambahnya, Jabatan Perikanan mendapat kebenaran bagi Syarikat Assrinah Contractor Sdn. Bhd. untuk melaksanakan penyambungan paip sepanjang 200 meter bagi mencukupkan bekalan air laut kepada pengusaha-pengusaha udang di kawasan berkenaan.

Setakat ini jelasnya, sejumlah lima buah syarikat pengusaha mendapat bantuan air laut secara percuma, di mana Jabatan Perikanan memang menyediakan bantuan Pam Air Laut bila diperlukan oleh para pengusaha.

Pihak jabatan ujarnya juga sentiasa membuat pemantauan di stesen berkenaan dan jadual bagi pembekalan air laut sudah ditentukan bersama para pengusaha.

Bengkel cegah tipuan bidaan dalam tender awam



**Laman Sesawang Rasmi
Suruhanjaya Persaingan
Brunei Darussalam (CCBD)**

www.ccbd.gov.bn



- Maklumat Perintah Persaingan
- Mengenai CCBD
- Garispanduan persaingan
- Berita terkini
- Bahan-bahan rujukan
- Membuat aduan
- Soalan-Soalan Lazim

Berita dan Foto : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam melalui Sekretariat Eksekutif di Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan Bengkel Bersiri, bertajuk 'Menentang Tipuan Bidaan di dalam Perolehan Awam' bagi meningkatkan kesedaran terhadap amalan tipuan bidaan juga mendidik penjawat awam mengenai langkah-langkah untuk mengesan dan mencegah tipuan bidaan di dalam tender awam.

Bengkel bersiri tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif advokasi Suruhanjaya Persaingan dalam mempromosikan budaya kesedaran persaingan dalam kalangan penjawat awam untuk mencegah amalan tipuan bidaan dan memupuk aktiviti ekonomi yang beretika, bertepatan dengan

penguatkuasaan Perintah Persaingan yang bermula pada Januari tahun ini.

Dengan tema 'Mengesan dan Menghentikan Tipuan Bidaan', bengkel pertama diadakan di Kementerian Kesihatan dan disertai oleh hampir daripada 30 pegawai mewakili pelbagai bahagian daripada kementerian itu, termasuk perolehan, kewangan, audit, farmasi dan Hospital Tutong juga Kuala Belait.

Bengkel mengongsikan mengenai bagaimana kolusif tender dapat dikesan dan bagaimana tender dokumen juga prosedur dapat direka secara efektif bagi meminimakan risiko kolusi di dalam tender awam. Bengkel juga memberi pengenalan kepada sistem e-perolehan.

Di dalam sesi pembukaan, Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan

menekankan bahawa amalan tipuan bidaan, yang juga dikenali sebagai kolusif tender, adalah merupakan kesalahan yang serius di bawah Perintah Persaingan dan setelah menyatakan minat untuk menyertai tender, persetujuan untuk tidak bersaing di antara pembida adalah dilarang.

Suruhanjaya Persaingan memberi keutamaan kepada menentang dan mencegah amalan tipuan bidaan mengambil kira potensi kemudaratannya yang signifikan kepada pengguna, ekonomi secara keseluruhan dan bebanan kewangan kepada perbelanjaan kerajaan.

Keutamaan ini adalah selaras dengan agenda nasional yang menekankan mengenai perbelanjaan berhemah dan perolehan awam yang bernilai bagi perbelanjaan.

Diketuai oleh dua orang pakar dan pengamal persaingan, Dr. Hassan Qaqaya, Rakan Senior di Melbourne Law School,

Melbourne University dan Penasihat Undang-Undang Kanan di Indonesia Competition Commission, Mohammad Reza, bengkel membincangkan secara eksensif mengenai konsep tipuan bidaan dan tanda-tanda amaran yang diperlukan diambil perhatian oleh pegawai perolehan bagi membolehkan tipuan bidaan untuk dikesan di peringkat permulaan juga langkah-langkah yang patut diambil apabila tipuan bidaan dikesan.

Mengambil daripada pengalaman Indonesia, Mohammad Reza mengongsikan mengenai sistem perolehan atas talian, yang juga dikenali sebagai e-perolehan, yang diguna pakai secara meluas bagi menangani dan

mencegah amalan tipuan bidaan dengan memastikan ketulusan dan akauntabiliti di dalam proses perolehan.

Peserta bengkel dibimbng mengenai langkah pencegahan bagi menguatkan proses tender termasuk meningkatkan ketulusan bidaan, seperti menambah klausu perisyntiaran yang memerlukan pembida mengesahkan bahawa bidaan dihantar adalah dibuat secara bebas tanpa sebarang pakatan.

Bengkel turut memberikan peluang kepada peserta untuk membincangkan secara telus mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan proses dan prosedur perolehan awam, yang secara tidak sengaja dapat menghalang persaingan untuk mencapai nilai yang berpatutan juga menyumbang kepada kolusi di antara pesaing.

Mengakhiri bengkel, peserta diberikan latihan kes untuk mengaplikasikan konsep yang dipelajari juga membincangkan strategi yang praktikal bagi mengesan tipuan bidaan melalui contoh kes sebenar yang diambil daripada Indonesia.

Bengkel ditutup dengan penyampaian poster Menentang Tipuan Bidaan di dalam Perolehan Awam yang menggariskan langkah pencegahan untuk meminimakan risiko tipuan bidaan. Sekretariat Eksekutif memuji penyertaan aktif pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan dan menggalakkan peserta untuk menyebarkan maklumat yang dipelajari dengan rakan sekerja Kementerian dan mengajak kerjasama yang berterusan untuk mengesan dan menghentikan tipuan bidaan ke arah menegakkan budaya mendapatkan nilai yang berpatutan di dalam tender awam bagi menjimatkan perbelanjaan.

Pendaftaran Peperiksaan SPUB, STPUB dibukakan

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan bahawa pendaftaran bagi Peperiksaan-peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi akan dibukakan mulai Rabu, 9 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 4 Mac 2020 Masihi hingga Isnin, 26 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 20 April 2020 Masihi.

Sehubungan itu, suakita dimaklumkan kepada Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga calon-calon persendirian yang berkeinginan menduduki Peperiksaan SPUB dan STPUB Tahun 2020 supaya akan dapat mengambil Borang-borang Pendaftaran di Pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, bertempat di Lantai Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910 semasa waktu pejabat.

Gangguan bekalan air, tekanan air rendah

Siaran Akbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa akan berlaku gangguan bekalan air / tekanan air rendah pada Rabu, 4 Mac 2020, bermula pada jam 9.00 malam hingga kerja-kerja selesai dilakukan.

Gangguan bekalan air / tekanan air rendah tersebut berlaku disebabkan kerja-kerja pembaikan paip transmission bersaiz 760mm di Jalan

Gadong.

Kawasan yang terlibat ialah Kampung Dedap, Kampung Jangsak, Kampung Mata-Mata, Kampung Menglait, Kawasan Batu Bersurat, Pusat Komersial Gadong, Kawasan Kumbang Pasang, Kawasan Pusat Komersial Airport Mall, Kampung Burong Pingai Berakas, Kawasan Airport Lama, Kampung Anggerek Desa, Kampung Panca Delima, Kampung Pulaie, Pusat Komersial Serusop, Kawasan Diplomatic, Kampung Sungai Akar, Kampung Sungai Hanching, Kampung

Belimbing, Kampung Sungai Tilong, Kampung Salambigar dan sekitarnya.

Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi dan bagi sebarang permohonan untuk pembekalan air *tanker* bolehlah menghubungi menerusi Talian Darussalam : 123 / Live Channel 123 (+673 8333123). Perkhidmatan *tanker* adalah terhad.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar orang ramai akan dapat mengambil langkah untuk menjimatkan penggunaan air sehingga bekalan air pulih seperti sedia kala.

Peraduan Menggubah, Masakan Buah-buahan meriahkan Pesta Buah-buahan, 1K1P



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) selaku Penghulu Mukim Bokok dan Pemangku Penghulu Mukim Amo menyaksikan seni gubahan dalam Peraduan Menggubah Buah-buahan sempena Pesta Buah-buahan dan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) Daerah Temburong.



ISTERI Yang Berhormat Ahli MMN ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Menggubah Buah-buahan juga Masakan Buah-buahan.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Isnin, 2 Mac. - Pesta Buah-buahan dan 1 Perundingan Mukim dan Kampung 1 Produk (1K1P) yang dianjurkan oleh Majlis-majlis Daerah Temburong yang diadakan selama tiga hari.



Ia bermula pada 29 Februari dan berakhir hari ini di Padang Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Pada hari ketiga, iaitu hari terakhir Pesta Buah-buahan dan 1K1P Daerah Temburong diadakan Peraduan Menggubah Buah-buahan juga Masakan Buah-buahan, iaitu Masakan Kek Buah-buahan dan Masakan Bingka Buah-buahan.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) selaku Penghulu Mukim Bokok dan Pemangku Penghulu Mukim Amo, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dan isteri.

Turut hadir, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Penyampaian hadiah disampaikan oleh isteri Yang Berhormat Ahli MMN.

Pesta merupakan satu langkah bagi menarik lebih ramai pengunjung dari luar maupun dalam daerah dan juga negara jiran, sekali gus memeriahkan lagi Daerah Temburong dengan aktiviti perekonomian.

Selain itu, ia juga memberikan peluang perniagaan bukan sahaja kepada Majlis-majlis Perundingan Kampung dan Usahawan-usahawan Kampung tetapi ia juga memberikan peluang kepada penduduk-penduduk yang memiliki dusun buah-buahan untuk menjual hasil buah-buahan masing-masing.

ANTARA gubahan Buah-buahan juga Masakan Buah-buahan (kiri sekali dan kiri).

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alik
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Tahlil sempena Ulang Tahun JBP Ke-60

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Tahun ini Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) genaplah usia penubuhannya yang Ke-60 Tahun.

Sehubungan itu, JBP menyusun beberapa acara dalam meraikan sambutan ulang tahun, antaranya Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis dihadiri oleh lebih 150 orang anggota, terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai Anggota dan Kakitangan JBP.

Hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Md. Amir Hairil bin Awang haji

Mahmud.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Ketua Guru Ugama JBP, Awang Haji Othman bin Awang Asat.

Selain majlis keagamaan itu, JBP akan meneruskan beberapa lagi aktiviti keagamaan dan kebajikan lainnya.

Sejarah dengan Moto JBP, iaitu 'Keselamatan Kebakaran Adalah Tanggungjawab Semua', JBP juga menawarkan kursus-kursus berkaitan dengan keselamatan kebakaran, seperti Kursus Fire Marshal, Taklimat Keselamatan Kebakaran, Taklimat Life Saver 995 dan pihak yang berminat bolehlah berhubung ke Bahagian Perhubungan Awam, Ibu Pejabat JBP menerusi talian +673 2382860 atau +673 2380409 sambungan 111 semasa waktu pejabat.



BACAAN Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Ketua Guru Ugama JBP, Awang Haji Othman bin Awang Asat.

Penyerahan E-Poster Ulang Tahun JBP Ke-60



PEMANGKU Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) antara yang hadir pada Majlis Penyerahan E-Poster berlangsung di Mess Pegawai JBP, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Dalam usianya yang mencapai kedewasaan dan kematangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) merealisasikan hasrat jabatan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatannya.

Di samping turut membarigakan kepada masyarakat dan penduduk di negara ini mengenai peranan, perkembangan, pencapaian dan kejayaan JBP sejajar dengan visi dan misi jabatan berkenaan.

Sehubungan itu, sempena Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-60 bagi Tahun 2020, Majlis

Penyerahan E-Poster berlangsung di Mess Pegawai JBP, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Hadir menyerahkan E-Poster berkenaan, Pemangku Pengarah JBP, Awang Lim Hock Guan kepada Pegawai-pegawai Pemerintah dan Ketua-ketua Bahagian JBP; juga para Pegawai Perhubungan Awam dan wakil Kementerian-kementerian juga Jabatan-jabatan Kerajaan.

Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Guru Ugama JBP, Awang Haji Othman bin Asat.

Dengan adanya Penyampaian E-Poster tersebut, ia akan membarigakan lagi acara-acara yang disusun dan akan berlangsung sempena sambutan tersebut.

Sejak dengan Moto JBP, 'Keselamatan Kebakaran Adalah Tanggungjawab Semua', jabatan turut menawarkan kursus-kursus berkaitan dengan keselamatan kebakaran, seperti Kursus Fire Marshal, Taklimat Keselamatan Kebakaran, dan Taklimat Life Saver 995.

Pihak yang berminat untuk menyertainya bolehlah berhubung ke Bahagian Perhubungan Awam, Ibu Pejabat JBP menerusi talian +673 2382860 atau +673 2380409 sambungan 111 semasa waktu pejabat.



PEMANGKU Pengarah JBP menyerahkan E-Poster kepada salah seorang penerima.

Pendaftaran Peperiksaan SPB Jun dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan membuka Pendaftaran Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) bagi Jun 2020.

Pendaftaran peperiksaan dibuka kepada calon-calon yang berdaftar di Bahagian Pendidikan Lanjutan (BPL) dan calon-calon persendirian.

Borang-borang Pendaftaran dan keterangan lanjut berkaitan dengan pendaftaran boleh diperoleh dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat, mulai 2 Mac hingga 28 Mac 2020.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima Borang Pendaftaran yang lengkap pada setiap Isnin hingga Khamis, sebelah pagi, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi; dan sebelah petang, mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang; dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Keterangan lanjut, bolehlah dirujuk dalam Surat Pemberitahuan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 4/2020.

Borang-borang Pendaftaran Peperiksaan yang lengkap berserta dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan tidak lewat pada 28 Mac 2020.

Pusing keliling Jalan Labu, Daerah Temburong mula beroperasi, 5 Mac

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada pengguna jalan raya bahawa pusing keliling baharu di Jalan Labu, Daerah Temburong akan mula beroperasi pada Khamis, 5 Mac 2020, jam 9.30 pagi.

Untuk makluman, beberapa perubahan hala tuju lalu lintas dibuat menuju pusing keliling baharu itu bagi perjalanan lalu lintas yang lebih efisien juga keselamatan para pengguna di persimpangan jalan.

Sehubungan itu, JKR ingin mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya akan dapat berhati-hati dan sentiasa mematuhi papan-papan tanda keselamatan lalu lintas yang dipasang di kawasan berkenaan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan ini menerusi Talian Darussalam 123 atau Facebook Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam atau e-mel JKR, pro@pwd.gov.bn.

Mahasiswa UBD pelajari khasiat madu



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) antara yang menyertai Lawatan Sambil Belajar membuat Sabun Madu Kelulut Propolis ketika sesi bergambar ramai.

Berita dan Foto : Ihsan Azeedah Haji Ishak

KAMPUNG RIMBA, Isnin, 2 Mac. - Seramai 20 orang Mahasiswa Tahun Tiga Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Lawatan Sambil

Belajar membuat Sabun Madu Kelulut Propolis.

Lawatan tersebut diadakan di rumah kediaman Awang Haji Abidin bin Haji Tengah, No. 50,

Jalan 35, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, baru-baru ini.

Awang Haji Abidin adalah Pengusaha Madu Kelulut hampir enam tahun dan baru sahaja menghasilkan Sabun Madu Kelulut Propolis pada awal tahun 2020.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari selaku Penyelia Program Jangkauan Komuniti (Community Outreach Programme).

Antara tujuan lawatan ialah bagi mempelajari proses asas pembuatan sabun asli, mengetahui khasiat madu dan memberi sokongan dan mempromosi

produk keluaran tempatan.

Pada aktiviti tersebut, para mahasiswa diajar tentang langkah-langkah membuat Sabun Madu Kelulut menggunakan bahan-bahan semula jadi, iaitu propolis, madu kelulut, gluten

Latihan Tembak Peluru Hidup, 16 hingga 19 Mac

Siaran Akhbar :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Tembak Menggunakan Peluru Hidup pada Isnin, 16 Mac hingga Khamis, 19 Mac 2020, di Kompleks Padang Tembak PPDB, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, orang ramai yang tinggal berdekatan supaya tidak berasa cemas semasa latihan tersebut diadakan.

MAHASISWA Tahun Tiga Universiti Brunei Darussalam (UBD) berpeluang merasa madu di rumah kediaman Awang Haji Abidin bin Haji Tengah, ketika lawatan berkenaan.



HALUAN

Dari muka 2

memudahkan semua inisiatif keselamatan pesakit dan program peningkatan kualiti dari perspektif keselamatan pesakit; membina kapasiti kakitangan dalam keselamatan pesakit; dan memudahkan penglibatan pesakit dan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam meningkatkan keselamatan penjagaan kesihatan. Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru awda semua untuk menyokong inisiatif ini dan menerimanya sebagai alat pembelajaran dan penambahbaikan untuk meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan kita.

Simposium Perubatan Dalaman hari ini menawarkan platform untuk mendapatkan bimbingan amalan terbaik klinikal terkini sebagai panduan daripada pelbagai kepakaran khusus dengan kaitan tertentu

Kementerian Kesihatan terus praktikkan amalan bersesuaian

kepada persekitaran tempatan. Tahun ini, tema simposium tertumpu di sekitar kecemasan perubatan akut. Topik-topik yang dipilih bertujuan menyediakan maklumat mengenai kemajuan terkini dalam pengurusan kecemasan perubatan yang biasanya dihadapi oleh pakar perubatan; dan menggariskan pendekatan berdasarkan bukti praktikal dalam diagnosis dan pembentangan perawatan klinikal akut.

Oleh itu, saya gembira untuk mengetahui bahawa seramai 200 peserta simposium yang hadir adalah terdiri daripada doktor dan jururawat. Saya berharap, dengan peluang ini, awda

akan memperoleh dan mengabungkan pengetahuan awda, dan yang lebih penting, melaksanakan amalan terbaik dalam kerja klinik harian awda.

Besarlah harapan saya agar simposium ini akan menggalakkan dan menanamkan semangat penambahbaikan diri dan pembelajaran sepanjang hayat yang berterusan dalam kalangan seluruh tenaga kerja, terutama profesional kesihatan kita. Pendidikan berterusan dan latihan adalah komponen utama dalam memastikan tenaga kerja yang kuat dan sangat profesional.

Akhir sekali, saya ingin mengingatkan diri kita sendiri untuk menanai komitmen

dan tanggungjawab kita untuk memperbaiki dan mengekalkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan selamat dalam sistem penjagaan kesihatan untuk kepuasan dan keyakinan orang ramai yang lebih baik.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim, Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam*, saya dengan ini merasmikan Simposium Perubatan Dalaman 2019.

*Wabillahit Taufiq Walhidayah
Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatu*

sayuran dan minyak kelapa dara.

Antara faedah Sabun Madu Kelulut Propolis yang dikongsikan oleh Awang Haji Abidin, ia sesuai untuk digunakan bagi mereka yang mempunyai penyakit ekzema ataupun kulit yang sensitif, merawat jerawat atau parut jerawat, tumit retak dan sebagainya.

Di samping itu, para mahasiswa turut melawat Sarang Lebah Kelulut, di mana mereka berpeluang mencuba tiga jenis madu, iaitu Itama, Tuma Muda dan Tuma Matang.

Awang Haji Abidin memelihara lebih kurang 100 Sarang Lebah di sekitar kawasan rumahnya.

Kepada yang berminat untuk membuat lawatan dan mengetahui lebih lanjut akan proses pemeliharaan madu juga pembuatan sabun, boleh menghubungi Awang Haji Abidin menerusi talian +673 897 8990.

"Lawatan sebegini adalah sangat digalakkan dan ia merupakan pengalaman yang sangat menarik kerana saya berpeluang untuk mencuba Madu Kelulut Asli secara langsung daripada Sarang Madu Kelulut".

"Madu adalah gula asli yang mampu menjamin kesihatan tubuh badan," menurut Dayang Noor Ismail Azeedah binti Haji Ishak.

Lawatan ini dibuat sebagai salah satu aktiviti para mahasiswa yang menjalankan Program Jangkauan Komuniti di bawah Green Brunei bersama Ahli MMN.

Pengusaha teksi turut terkesan impak COVID-19



PEMANDU Teksi, Awang Haji Norazalan bin Haji Adanan ditemui bual Pelita Brunei di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Seperti yang kita sudah maklum, penularan Wabak Coronavirus atau lebih dikenali sebagai COVID-19 kini semakin menjadi isu utama kesihatan di seluruh dunia.

Menurut perangkaan Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) jumlah kes yang disahkan dengan jangkitan wabak tersebut pada peringkat global ialah sebanyak 88,948 kes setakat 2 Mac 2020.

Berikutnya penularan wabak berkenaan, beberapa pihak

termasuk pengusaha teksi turut terkesan akan impak daripada isu COVID-19 tersebut.

Dalam tinjauan Pelita Brunei ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, salah seorang pengusaha teksi, Awang Haji Norazalan bin Haji Adanan mengongsikan impak penularan Wabak COVID-19, di mana banyak jadual penerbangan dibatalkan dan menyebabkan kurangnya kedatangan pelancong ke



TEKSI di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas), sementara gambar kiri, Kaunter Teksi agak sunyi kerana banyak jadual penerbangan dibatalkan dan menyebabkan kurangnya kedatangan pelancong ke negara ini.

negara ini.

Ini tambahnya, menjelaskan hasil pendapatan para pengusaha teksi jika dibandingkan dengan keadaan sebelum penularan Wabak COVID-19.

Menurutnya lagi, sebelum penularan wabak itu, beliau dan para pengusaha teksi lain sibuk menerima pelancong dari luar negara, terutama pada waktu pagi, namun kini telah berkurang atau tidak ada sama sekali.

Beliau seterusnya berharap wabak tersebut akan berkurangan dalam masa terdekat dan tidak lagi berlarutan.

Saranan beliau kepada orang ramai untuk berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara kita akan dihindari daripada jangkitan Wabak COVID-19 dan menyarankan agar orang ramai sentiasa mengambil langkah-langkah kebersihan dan keselamatan.

Promosi pelancongan diteruskan mengikut perkembangan semasa



KETUA Jabatan Haji dan Umrah Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar.



SUASANA Pejabat Darussalam Holdings, Airport Mall.

Mall.

Menurut beliau, Negara Brunei Darussalam mempunyai potensi untuk dipromosikan sebagai antara destinasi yang selamat untuk dikunjungi bagi pelancong dari luar negara.

"Selain itu, kami juga mempromosikan pakej pelancongan dalam negeri kepada rakyat dan penduduk tempatan, khususnya bagi musim cuti sekolah nanti".

"Pakej berkenaan bukan hanya untuk lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini, tetapi juga bagi para belia yang ingin menjalankan aktiviti, termasuk team building dan menunggang kendaraan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV)".

"Pihak Darussalam Holdings bersedia membantu mengaturkan aktiviti tersebut bagi individu yang

berminat untuk mengikuti pakej pelancongan dalam negeri," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau menyarankan para pelancong tempatan untuk mengikuti panduan WHO melalui Kementerian Kesihatan juga langkah-langkah keselamatan, bukan sahaja bagi menunaikan Haji dan Umrah, tetapi juga ke negara-negara lain.

"Antara perkara yang perlu diambil kira adalah daripada segi kesihatan dan perlindungan dengan memiliki insurans sebagai persediaan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini".

"Seperti sebelumnya, dasar Darussalam Holdings ialah memeduli kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan para jemaah yang berada di Tanah Suci bagi memastikan kesempurnaan serta

keselesaan mereka dalam mengerjakan ibadah Haji dan Umrah, selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," katanya.

Beliau memberitahu, industri pelancongan juga merupakan salah satu industri utama dan banyak perkara di negara ini yang boleh diterokai oleh para pelancong dari dalam dan luar negara.

"Oleh itu, apa yang diharapkan adalah agar kita sama-sama berdoa supaya COVID-19 akan ditangani secepatnya".

"Darussalam Holdings akan sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan melalui Lembaga Pelancongan Brunei untuk sama-sama meningkatkan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam," jelas beliau.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 3 Mac. - Penularan Coronavirus (COVID-19) yang dilaporkan bermula di Wuhan, Wilayah Hubei, Republik Rakyat China menjelaskan industri pelancongan di peringkat global.

Ketua Jabatan Haji dan Umrah Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar berkata, agensi pelancongan di negara ini juga tidak terkecuali dalam mengalami pengurangan dari segi tempahan pakej yang ditawarkan.

Walau bagaimanapun jelas beliau, syarikat berkenaan masih meneruskan promosi-promosi pelancongan ke luar negara tertakluk kepada perkembangan

Sedari kepentingan kebersihan dalam kehidupan seharian



PENGAWAL Keselamatan Wanita, Dayang Hajah Aminah binti Haji Awang Metusin bersama suami dan anak.



PENDIDIK di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Nurafny binti Mohd. Hasni.



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Peranan ibu bapa dan penjaga, di samping guru-guru di sekolah adalah sangat penting bagi menerapkan budaya kebersihan dan penjagaan kesihatan, khususnya terhadap kanak-kanak.

Sehubungan itu, pendidikan mengenai kebersihan hendaklah diberikan kepada kanak-kanak bermula daripada peringkat umur rendah lagi kerana dalam Agama

Islam turut menekankan akan sentiasa menjaga kebersihan, sekali gus mendidik mereka menjadi anak-anak yang pembersih.

Di samping menjaga kebersihan, penjagaan kesihatan juga menjadi fokus utama dalam kehidupan kita sehari-hari, apatah lagi ketika ini banyak penyakit baharu yang melanda dunia, sekali gus menimbulkan kebimbangan.

Sebagai pendidik di Sekolah

Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Nurafny binti Mohd. Hasni sentiasa memastikan kebersihan anak-anak muridnya terjaga.

Jelasnya, dalam mencegah segala penyakit daripada merebak dan menjangkiti anak-anak sekolah, pihak sekolah akan sentiasa memantau kebersihan kelas dengan membersihkan kelas dengan bahan-bahan anti kuman seperti *sanitizer spray*.

Beliau menambah, ia dilakukan dikuatir jika komiti kesihatan

sekolah mendapat sekiranya salah seorang murid dijangkiti penyakit, mereka bertindak segera merekodkan jumlah murid, di samping memastikan tidak ada adik-beradik lain berada di sekolah dalam masa tempoh kuarantin.

Selain itu katanya lagi, salah satu cara menghindarkan kuman dan segala penyakit berjangkit adalah dengan penyediaan Hand Sanitizer dan sabun pencuci tangan di sekolah seperti di setiap kelas, dewan, dewan makan, bilik-bilik guru, makmal dan sebagainya.

"Murid-murid juga memainkan peranan dalam menjaga kebersihan sekolah, seperti menjaga kebersihan tandas, penggunaan Hand Sanitizer dan sabun pencuci tangan, mencuci tangan sebelum dan selepas makan serta selepas melakukan sebarang aktiviti," ujarnya.

Sebagai ibu kepada lima orang anak, Dayang Hajah Aminah binti Haji Awang Metusin yang bertugas sebagai Pengawal Keselamatan Wanita ketika ditemui berkata, kesihatan anak-anak adalah menjadi keutamaan dan pemantauan kebersihan terhadap anak-anak juga turut dititikberatkan.

Selain memastikan anak-anak minum air putih yang mencukupi, beliau juga menasihatkan kepada para ibu bapa dan penjaga yang lain membekalkan anak-anak

GUNAKAN Hand Sanitizer ketika mencuci tangan selepas melakukan sebarang aktiviti.

dengan barang-barang pencegahan kuman seperti topeng muka jika dalam keadaan kurang sihat, Hand Sanitizer, tisu, tisu basah dan sebagainya.

Tambahnya, mencegah lebih awal penyakit-penyakit berjangkit merupakan langkah terbaik dan InsyaaAllah kita akan terus menikmati kehidupan yang sihat.

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



Berbelanja dengan PenggunaBijak SmartConsumer

Ciri-cirinya Termasuk:

PERLINDUNGAN PENGGUNA

Bahan-bahan pendidikan mengenai Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

MEMBUAT ADUAN

Menghantarkan aduan berhubung dengan amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barang yang dikawal harganya.

PERBANDINGAN HARGA

Bandingkan harga-harga barang keperluan harian yang dihantar secara sukarela pada setiap minggu ke Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna.

JUALAN & POTONGAN DISKAUN

Jelajahi acara-acara jualan yang sedang dan akan berlangsung di dalam negara.

HARGA-HARGA KERETA

Semak dan tinjau harga-harga bilik pameran kereta-kereta yang diluluskan oleh JPKE.

Pengguna-pengguna di Brunei kini boleh membuat perbandingan dan mendapatkan harga-harga terkini barang harian terpilih termasuk promosi istimewa dan diskaun melalui PenggunaBijak. SmartConsumer

HUBUNGI KAMI: Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tel: 2230223 (waktu berkerja)

JIS capai penilaian cemerlang Peperiksaan SSRU

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS)

JERUDONG, Isnin, 2 Mac. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) melakar satu pencapaian yang cemerlang dalam Keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU) bagi Tahun 2019 apabila seramai 64 pelajar sekolah berkenaan yang menduduki peperiksaan berkenaan berjaya mencapai keputusan 97 peratus lulus, di mana 44 pelajar Sekolah Ugama JIS berjaya mendapat Grad 1 dan 18 orang pelajar pula berhasil mendapat Gred 2.

Manakala Aneeza Delaila binti Mohammad Shamsul pula berhasil mendapat keputusan cemerlang dengan Gred 1 dan 5 secara Agregat.

Perkara ini dinyatakan oleh Pengetua Sekolah tersebut, Nicholas Sheehan dan Pengetua Sekolah Ugama berkenaan,

Dayang Hajah Noraidah binti Haji Tengah.

JIS ditubuhkan pada 10 Januari 2005 dan kini mempunyai seramai 14 orang kakitangan dengan keramaian 265 pelajar tempatan.

Pada tahun ini, seramai 71 Pelajar Darjah VI akan menduduki peperiksaan akhir tahun.



DARJAH 6 Alif dari Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong yang melakar satu pencapaian cemerlang di dalam Keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU) bagi Tahun 2019.

Lima produk kosmetik dicemari bahan terlarang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan lima produk kosmetik, di mana hasil daripada Ujian Makmal Bahagian Farmasi,

Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan mendapat bahan produk-produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisyiharkan.

Produk-produk kosmetik berkenaan ialah SSII Day Cream

dan SSII Herbal Cream. Kedua-dua produk ini dicemari dengan bahan Merkuri, sementara SSII Treatment Cream pula turut dicemari dengan Tretinooin. Manakala dua lagi produk yang dikilangkan di Filipina, iaitu Skin Magical Kadenang Ginto Rejuvenating Facial Toner No.1 dan Skin Magical Kadenang Ginto Rejuvenating Cream No.1 juga didapati turut dicemari dengan

Tretinooin dan Hydroquinone.

Bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarab yang membahayakan kesihatan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan untuk penjualan produk-produk tersebut dan / atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut.

Berikutnya dapatan ini, produk yang seperti tersenarai di atas, dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang membeli atau memakan produk-produk tersebut dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta.

Jika mereka mengalami kesan advers dan berasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Diingatkan bahawa menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di

pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 dan penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan ke Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan menerusi talian +673 2393298 sambungan 208 atau menghantar e-mel ke pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau menghubungi Talian Darussalam 123.



SKIN Magical Kadenang Ginto Rejuvenating Cream No.1 dicemari dengan Tretinooin dan Hydroquinone.



SKIN Magical Kadenang Ginto Rejuvenating Facial Toner No.1 turut dicemari dengan Tretinooin dan Hydroquinone.



SSII Day Cream dicemari dengan bahan Merkuri.



SSII Treatment Cream pula turut dicemari dengan Tretinooin.

Lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Isnin, 2 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing, warganegara Indonesia, Said Abdul Hasan, 28 tahun dan pemegang pasport C2627941 yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4221206 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan juga ke laman sesawang www.police.gov.bn atau [instagram @upa.ppdb](https://instagram.com/upa.ppdb).



SAID Abdul Hasan, 28 tahun dan pemegang pasport C2627941 dilaporkan lari daripada majikan.

Kementerian Kesihatan sambut Hari Pendengaran Sedunia 2020



ORANG ramai berpeluang untuk mendapatkan pemeriksaan telinga pada Pameran sempena Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2020 tersebut.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Selasa, 3 Mac. - Jabatan Otorinolaringologi (ORL) Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Kementerian Kesihatan menganjurkan Pameran sempena Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2020 bertempat di keempat-empat hospital kerajaan di seluruh daerah Negara Brunei Darussalam.

Sambutan bersempena Hari Pendengaran Sedunia di Daerah Temburong diadakan di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong. Hadir bagi sama-sama

memeriahkan lagi pameran tersebut, Pegawai Jururawat, Jabatan Otorinolaringologi, Dayang Hajah Shamilah binti Haji Jelani dan Pentadbir Kanan Hospital, Dayang Siti Mardiyah binti Haji Besar.

Pameran tersebut turut dihadiri oleh pelajar-pelajar Tahun 4 dan Guru-guru dari Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong. Acara dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Guru Ugama, Hospital

Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Awang Saleem bin Haji Tuah.

Semasa pameran tersebut diadakan, pihak hospital mengadakan Aktiviti Pledge Ear and Hearing Care, di mana peserta yang mengikuti aktiviti ini akan memakai *ear plugs* sepanjang hari di tempat kerja bagi mengalami sendiri pengalaman dan cabaran terhadap kehilangan pendengaran.

Hari Pendengaran Sedunia yang diraikan setiap 3 Mac setiap tahun sejak tahun 2007 ini bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran, khususnya dalam mencegah penyakit telinga dan kehilangan pendengaran juga menggalakkan penjagaan telinga dan pendengaran dengan betul.

Negara Brunei Darussalam telah ikut serta dalam menyambut Hari Pendengaran Sedunia sejak tahun 2015, yang melibatkan bukan sahaja orang awam, tetapi juga agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan dengan penyediaan penjagaan gangguan pendengaran di negara ini. Pada tahun ini, Sambutan Hari



SUASANA pada pameran berkenaan.

Pendengaran Sedunia diraikan pada 3 Mac 2020, bertema 'Pendengaran untuk Kehidupan (Hearing for Life)'.



LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN JANGKITAN DI TEMPAT KERJA KETIKA WABAK

Sebagai Majikan, Awda perlu:

1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barang peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

4 LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5 PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketidaaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkapai tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja



YANG Dipertua PGGMB dan Ahli-ahli, termasuk Guru-guru Besar, Guru-guru dan kakitangan pejabat dan Sekolah-sekolah hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena 80 Tahun Penubuhan PGGMB yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat PGGMB, Bandar Seri Begawan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena 80 Tahun Penubuhan di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat PGGMB, Bandar Seri Begawan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah disusuli dengan Bacaan Tahlil dan Doa Kesyukuran, diketuai oleh Pengarah Bahagian Agama PGGMB, Awang Haji Rusli bin Haji Mohd Salleh.

Majlis diseluruhkan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, dan diakhiri dengan Penyampaian Sumbangan Penghargaan kepada Mantan Ahli-ahli JKTT PGGMB (2016 - 2019).

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Yussof bin Haji Awang Mohamad.

AHLI-AHLI PGGMB wanita sama-sama hadir pada majlis kesyukuran tersebut.



Melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpi dan adab-adabnya

KELUARAN KEDUA

Iblis dan Syaitan Tidak Mampu Menyerupai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

BERDASARKAN huraian beberapa ulama dalam mensyarah maksud hadis bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dalam kitab *Fath al-Bari* menjelaskan bahwa syaitan langsung tidak mampu menyerupai Baginda dalam mana-mana bentuk yang disandarkan kepada Baginda.

Antara para ulama yang menjelaskan sedemikian adalah as-Syiekh Ibnu Abi Jamrah Rahimahullah yang cenderung terhadap pendapat yang dipilih oleh Imam an-Nawawi Rahimahullah setelah mengambil pendapat sebahagian ulama yang menyebut bahawa syaitan langsung tidak dapat menyerupai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mana-mana bentuk.

Menurut Imam ath-Thibî Rahimahullah pula, mimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam apa sahaja bentuk rupa, sifat dan keadaan adalah dari Allah Subhanahu Wata'ala, bukan daripada syaitan.

Imam al-Qurthubî Rahimahullah pula menyebutkan bahawa sekiranya seseorang itu bermimpi melihat Baginda dalam rupa yang lain dari rupa yang diketahui / dimaklumi, maka bayang rupa yang diperlihatkan itu bukanlah dari perbuatan atau kerja syaitan, akan tetapi ia adalah dari Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata. Inilah huraian yang dimaksudkan oleh Al-Qadhi Abu Bakr at-Thayyib dan yang lainnya.

Al-Qadhi 'Iyadh Rahimahullah menceritakan pandangan sebilangan ulama bahawa Allah Subhanahu Wata'ala memberi penghususkan kepada Nabi-Nya di mana Baginda dapat dilihat dalam mimpi dalam bentuk umum secara keseluruhannya dan Allah Subhanahu Wata'ala menghalang syaitan untuk membentuk dalam bentuk Baginda (atau mengaku sebagai Baginda) agar syaitan tidak berbohong (dengan menggunakan nama Baginda) dalam tidur (orang yang bermimpi). (Sebagaimana diketahui bahawa) Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan

kejadian luar biasa kepada para nabi dengan mukjizat, begitu juga Dia mengurniakan penghususan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan perkara mustahil (tidak boleh) bagi syaitan untuk menyerupai Baginda dalam apa juga keadaan termasuk keadaan yang berlawanan dengan Baginda (bukan rupa / sifat Baginda yang diketahui / dimaklumi).

Ini kerana jika berlaku keadaan, di mana syaitan mempunyai kemampuan untuk menyerupai Baginda, maka akan berlaku kekeliruan dan campur aduk antara yang hak dengan yang batil serta akan berlaku keraguan (dalam kalangan orang ramai) terhadap *nubuwwah* (kenabian Baginda). Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memelihara syariat / kebenaran *nubuwwah* Nabi-Nya daripada syaitan, daripada penyerupaannya (dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada fitnahnya dan daripada tipu dayanya. Maka atas dasar itu Allah Subhanahu Wata'ala memelihara (dengan menghalang) bukan Nabi dari menyerupai Nabi dalam mimpi (sama ada dalam rupa, sifat dan keadaan Baginda yang sebenar atau yang sebaliknya).

Berdasarkan huraian di atas, maka adalah jelas bahawa iblis dan syaitan tidak dapat menyerupai apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sama ada menyerupai Baginda dalam rupa / bentuk Baginda yang diketahui atau rupa / bentuk Baginda yang tidak diketahui. Begitu juga iblis dan syaitan tidak dapat berdusta atau berbohong secara khusus dengan nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana Allah Subhanahu Wata'ala memberi penghususkan sedemikian kepada Baginda untuk memelihara *nubuwwah* (kenabian) Baginda daripada penyerupaan, fitnah dan tipu daya menggunakan nama Baginda.

Menceritakan Mimpi Melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Kepada Orang Lain

Mimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan rupa bentuknya yang asal dan mulia merupakan suatu perkara baik. Dalam Kitab Ta'thiyatul Anam fi Ta'bîr al-Manam yang dikarang oleh al-'Allamah an-Nâbulî (iaitu sebuah kitab yang berupa inti sari daripada apa yang ditulis oleh ulama terdahulu

mengenai tafsir mimpi seperti Ibnu Sirin, Ibnu Shahîn adz-Dzâhîrî dan lain-lain lagi), dibawakan pendapat Ibnu Abi Jamrah Rahimahullah (seorang ulama periyat hadis) bahawa syaitan tidak dapat menyerupai bentuk asal Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka siapa yang melihat Baginda dalam bentuk asal yang baik, maka dianggap baik agama orang yang bermimpi itu.

Kerana itu terdapat faedah besar kepada sesiapa yang bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah nurani seperti cermin yang mencerminkan diri orang yang didatangkan mimpi itu. Dan inilah juga disebut oleh Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam Syarah Syama'il at-Tirmidzi.

Jelas bahawa sesiapa bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu akan menganggapnya sebagai mimpi yang baik dan dia menyukainya.

Diriwayatkan daripada Abu Qatâdah Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Mimpi yang baik daripada Allah, maka apabila seseorang daripada kamu melihat apa yang disukai (dalam mimpi), maka janganlah menceritakannya kecuali kepada sesiapa yang menyukai. Dan apabila melihat apa yang tidak disukai, maka memohonlah perlindungan dengan Allah daripada keburukan mimpi dan daripada keburukan syaitan, dan berludahlah tiga kali serta tidak menceritakan mimpi tersebut kepada seorang pun. Maka sesungguhnya mimpi itu tidak memudaratkannya".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam sebuah hadis yang lain pula, diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Janganlah diceritakan mimpi kecuali kepada orang alim atau orang yang memberi nasihat".

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Disebutkan menceritakan kepada 'alim' di dalam hadis tersebut kerana orang alim (yang berilmu pengetahuan untuk mentafsir mimpi, dapat) mentakwil mimpi ke arah kebaikan semana mampunya, sementara *nashîh*, iaitu orang yang memberi nasihat (dapat) memberi panduan kepada apa-apa yang bermanfaat (kerana mimpinya itu).

IRSYAD HUKUM

جایاتن مفتی کراجان
سینان مفتی مفتی کراجان

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Disebutkan dalam kitab *Tuhfah al-Ahwadzi* bahawa adab bermimpi baik itu ada tiga perkara, iaitu : Menyatakan rasa syukur kepada Allah kerana mendatangkan mimpi baik, bergembira dengan berita baik dan menceritakannya tetapi hanya kepada sesiapa yang menyukainya.

Manakala adab bagi mimpi yang tidak disukai pula ada enam perkara, iaitu : Memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala daripada keburukan mimpi dan keburukan syaitan, berludah ketika sedar dari tidur ke sebelah kirinya sebanyak tiga kali, sama sekali tidak menceritakannya kepada seseorang pun, mendirikan sembahyang dan berpaling daripada arah tempat tidur sebelumnya.

Berdasarkan penjelasan mengenai adab bermimpi sebagaimana disebut di atas, maka dapat disimpulkan bahawa sebaik-baiknya seorang yang bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam atau berasakan bahawa dia melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpinya untuk mengambil sikap mendiamkan diri dan tidak menceritakan mimpinya itu kepada orang lain. Ini kerana dengan menceritakannya ditakuti boleh menimbulkan fitnah atau menyebabkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti salah faham orang lain terhadap mimpi tersebut dan yang seumpamanya.

Manakala isi mimpinya itu terpulang kepada orang yang melihat itu sendiri mentafsirkannya, kerana perkara itu perkara ghaib. Kalau sekiranya pun dia ingin mengetahui maksud mimpinya, maka boleh diceritakan hanya kepada orang alim, iaitu orang yang berilmu kerana sesungguhnya orang alim itu sama ada mentakwil (mimpi tersebut) dengan perkara-perkara yang disukai atau menenangkan orang yang bermimpi daripada perkara-perkara yang tidak disukai atau dibenci (hasil takwil mimpi).



PESURUJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB antara yang hadir pada Majlis Pengislaman tersebut.

GADONG, Selasa, 3 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) PPDB mengadakan Majlis Pengislaman bagi meraikan saudara baharu, iaitu Awang Nickson @ Tong Kua Ang anak kepada seorang anggota PPDB yang berlangsung di Surau,

Ibu Pejabat Polis Gadong. Majlis berkenaan dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali selaku tetamu kehormat. Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd. Jefri bin

Memilih Agama Islam sebagai pegangan hidup

**Siaran Akbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei**

Pengiran Haji Abdul Hamid juga Penolong Pengarah Pusat Dakwah Islamiah (PDI) Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar.

Terdahulu, acara dimulakan dengan Sembahyang Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong dan diteruskan dengan Majlis Pengislaman yang dikendalikan oleh pegawai daripada PDI.

Awang Nickson @ Tong Kua Ang kini dikenali dengan nama Islamnya, Mohammad Nur Aqil bin Abdul Hadi Tong melafazkan dua kalimah syahadah dan berhasrat untuk mendalam lagi Agama Islam selaku pegangan

hidup beliau.

Penyampaian cenderahati disampaikan oleh tetamu kehormat dan diraikan dengan Dikir Marhaban. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



AWANG Nickson @ Tong Kua Ang ketika melafazkan dua kalimah syahadah beliau.

Majlis turut dihadiri oleh para Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Formasi Polis, Pegawai PPDB dan PDI juga ahli keluarga saudara baharu yang diraikan.



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
KELAS III, IV & V
KATEGORI S01

Tarikh tutup pada :
24 Mac 2020, Selasa
sebelum jam 2.00 Petang.

JASTRE / BKP / T006 / 2020
OPERATION AND MAINTENANCE
WORKS OF AIR QUALITY
MONITORING EQUIPMENT
CONSISTS OF SIX (6) UNITS OF TEAM
MODEL : 1400 / 1400A / 1400ab FOR A
PERIOD
OF ONE (1) YEAR

NO. PROJEK :
JASTRE / BKP / T006 / 2020

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)



JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

THREE YEARS TERM CONTRACT
COMPREHENSIVE MAINTENANCE
FOR SPORT FACILITIES

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 101 / 2019 / 2020
[JPPE-MAC-2020]

BAYARAN DOKUMEN :
BND30.00
[Bayaran Dokumen Tawaran
tidak dikembalikan]

KETERANGAN :
THREE YEARS TERM CONTRACT
COMPREHENSIVE MAINTENANCE
FOR SPORT FACILITIES UNDER
BRUNEI MUARA AND TEMBURONG
DISTRICT, MINISTRY OF EDUCATION,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
KELAS : II DAN III SAHAJA
KATEGORI : KA01 DAN
B01 SAHAJA



TARIKH TUTUP :
SELASA, 24 MAC 2020,
[Tidak lewat
jam 2.00 Petang]



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

NAMA TAWARAN :
TENDER FOR ONE (1)
YEAR TEAM CONTRACT
DAILY CLEANING OF
BANGUNAN BESAR PASAR
GADONG AND
SURROUNDING AREAS.
(MEI 2020 UNTIL APRIL 2021)

BILANGAN TAWARAN :
JBBSB / LTK / 2019-2020 / 35 / UPA

HARI, TARikh DAN
JAM TUTUP :
SELASA, 10 MAC 2020
JAM 2.00 PETANG



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 10 / 2020

MEMBEKALKAN KAYU BAGI
PEMELIHARAAN JAMBATAN DAN
JETI DI KESELURUHAN
MUKIM-MUKIM
DI KAMPONG AYER
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP



Khamis, 12 Mac 2020,
jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : VI SAHAJA
KATEGORI :
[B01, KA01 SAHAJA] - (KOD BAHRU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
10 MAC 2019 (SELASA),
JAM 2.00 PETANG
BILANGAN :
JKR / DOD / 1 / 2020

NAMA PROJEK :
PEMBINAAN DAN MENAIK TARAF
SEKOLAH MENENGAH SULTAN
HASAN BANGAR
(PREQUALIFICATION
QUESTIONNAIRE DOCUMENT)




LEMBAGA BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KEKOSONGAN GERAI SELERA
TUTONG
JALAN MENTERI TAIB, TUTONG

ADALAH dimaklumkan bahawa tawaran
bagi mendapatkan ruang-ruang kosong Gerai
Selera Tutong, Jalan Menteri Taib Tutong akan
dibuka kepada syarikat-syarikat francais dan
syarikat persendirian mulai **18 Februari 2020**
dan **tarikh tutup adalah pada 4 Mac 2020**
yang mana dibuka kepada Rakyat Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam dan Penduduk Tetap yang

bermastautin di Daerah Tutong.
Jenis-jenis Jualan yang ditetapkan adalah
seperti Minuman, Masakan Melayu Tempatan,
Masakan ala China / Thailand, Masakan ala
Arab / India, masakan segera (*fastfood*) /
franchise) dan masakan ala Jepun / Korea.

Borang-borang permohonan dan keterangan
lanjut mengenainya bolehlah diperoleh di
Kaunter Unit Perlesenian, Jabatan Bandaran
Tutong semasa waktu pejabat dan tarikh tutup
penerimaan permohonan ialah pada **Rabu,**
4 Mac 2020, jam 2.00 Petang dan hendaklah
dimasukkan di dalam Peti Tawaran Jabatan
Bandaran Tutong.



12 MONTHS TERM CONTRACT
OF RUBBISH COLLECTION FOR
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN

Tarikh akhir mengambil borang tawaran :
pada Sabtu, 26 Rejab 1441H
bersamaan 21 Mac 2020M
sebelum jam 10.00 Pagi.



PEMBERITAHUAN TAWARAN
TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / RC / 13 (4)
SUPPLY OF SHOES HIGH
GLOSS BLACK

BAYARAN TAWARAN :
BND100.00 - (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :
Selasa, 14 April 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang


**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DIDALAM MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 357 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetsiyen

**AWANG JALANI BIN PERWIRA
DIRAJA AWG. HJ. HAMID / HAMIDUN**
(BYIC No. 00-274887)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 19 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **4 Mac 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Pemeriksaan awam terhadap Penghutang

telah ditetapkan pada **4 Mac 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 10 Februari 2020

DK. SITI NURSU'AIDAH BINTI PG. JUFRIZAR @ PG. TAJUDDIN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN
NO. 367 TAHUN 2019**

BAIDURI FINANCE BHD
- Pemutang / Pemetsiyen

**MOHAMMAD AMINUL DZAKI
BIN MOGHNI**
(BYIC No. 00-261420)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **4 Mac 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Mac 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 13 Januari 2020

KEBANKRAPAN NO. 39 TAHUN 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BHD**
- Pemutang Penghakiman / Pemetsiyen

Vs

**SURIANI BINTI ABDUL KADIR
(BYIC No. 00-122702)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **4 Mac 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Mac 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 13 Januari 2020

NURUL HIDAYAH HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar Mahkamah Besar


KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 01 / 2020

FIVE (5) YEARS TERM CONTRACTOR
FOR MAINTENANCE AND REPAIR OF
FIRE SERVICES INSTALLATION
IN TUTONG CAMPS

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS
KATEGORI : KPME05

TEMPOH PENYIAPAN :
LIMA (5) TAHUN

TARIKH TUTUP :
Selasa, 10 Mac 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA -
(KOD BAHRU)

Tarikh Tutup :
Selasa, 31 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang

BILANGAN :
JKR / DBSKB 004 / 2020

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI
PEMELIHARAAN BEKALAN AIR
BAGI KAWASAN LUMUT DAN
SG. LIANG DI DAERAH BELAIT
UNTUK 3 TAHUN
No. Projek : 2020ADKB/
B00411/002-002-003

YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG


KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tajuk Tawaran :
PENGUBAHSUAIAN PEJABAT
TINGKAT 16, TOWER BLOCK,
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI,
COMMONWEALTH DRIVE

Bilangan Sebut Harga :
MOFE / T / 2020-1

Yuran Tawaran / Dokumen :
BND10.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh tutup :
 Isnin, 9 Mac 2020,



tidak lewat dari
jam 2.00 Petang


**JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR**

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 102 / 2019 / 2020
[JPK-MAC-2020]

KETERANGAN :

TAWARAN TERBUKA 'JOINT
PUBLISHING PROJECT FOR HISTORY
OF BRUNEI DARUSSALAM, 1880-1984'
TEXTBOOK FOR YEAR 9'
JABATAN PERKEMBANGAN
KURIKULUM,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAYARAN DOKUMEN :

BND30.00

[Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan dan BND 5.00
E-Dokumen
tidak dikembalikan]



TARIKH TUTUP
Selasa, 31 Mac 2020,
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 368 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

MOHAMAD AZMI BIN AWANG ABAS
(BYIC No. 01-036341)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 8 Ogos 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **2.30 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **2.30 Petang**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Februari 2020

KES NO. BCY / CP / 131 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetsiyen

KHAIRUL AMILIN BIN HJ. YAHYA
(BYIC No. 00-281197)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 Disember 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **2.00 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **2.00 Petang**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 Februari 2020

KES NO. BCY / CP / 443 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetsiyen

**MOHAMMAD HAFIZUDDIN
BIN ABD. KADIR**
(RBAF IC No. 00-317202)

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 Disember 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **3.00 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **3.00 Petang**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Februari 2020

KES NO. BCY / CP / 275 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

NOOR HASSIMAH BINTI HAJI SISI
(BYIC No. 01-066406)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **9.00 Pag**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **9.00 Pag**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Februari 2020

KES NO. BCY / CP / 82 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

HAIRUL HAIDE BIN SULAIMAN
(BYIC No. 00-306991)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 November 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **11.30 Pag**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah

IKLAN

disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **11.30 Pag**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Februari 2020

KES NO. BCY / CP / 411 / 2019

BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously filed by HSBC Finance
(B) Berhad)

- Pemutang / Pemetsiyen

**MUHAMMADUSSOWDEQ
BIN MUHAMMAD HAIROLARANI**
(BYIC No. 01-042065)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 Disember 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **10.30 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **10.30 Petang**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Februari 2020

KES NO. BCY / CP / 331 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

KHALID BIN OTHMAN
(BYIC No. 01-038191)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **11.00 Pag**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **11.00 Pag**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Februari 2020

KES NO. BCY / CP / 35 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetsiyen

MUHAMMAD AUF @ AFIF BIN YAKUB
(BYIC No. 01-037987)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Jun 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 Bilik (R1), Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020**, jam **10.30 Pag**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **10.30 Pag**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Februari 2020

**NUR ELEANA
BINTI DP HJ. HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 512 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetsiyen

JEFRI BIN AWG. ARMANSAH
(BYIC No. 00-251864)

Nexus laksana aktiviti amal

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

BENGKURONG, Selasa, 3 Mac. - Sebagai salah satu aktiviti tanggungjawap sosial korporat Telekom Brunei Berhad (TelBru), Nexus Sendirian Berhad, salah satu anak syarikat di bawahnya mengadakan Aktiviti Amal Membersih dan Mencantikkan Pekarangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Seramai 150 orang pegawai dan kakitangan Nexus dibahagikan kepada beberapa tugas, iaitu di mana salah satunya mencat dalam bangunan pentadbiran, membersihkan bilik-bilik, seperti perpustakaan, dapur, serta membersihkan halaman dan memotong rumput di kawasan Pusat berkenaan.

Aktiviti amal tersebut merupakan salah satu pengisian program induksi bagi kakitangan Nexus untuk meningkatkan kesedaran tanggungjawap sosial dan kesukarelawanan dalam kalangan mereka. Selain di Pusat Ehsan, seramai 50 kakitangan juga mengadakan kerja-kerja amal di SMARTER Edge, Kampung Mata-Mata.



KAKITANGAN Nexus Sendirian Berhad menjalankan aktiviti amal di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sebagai salah satu pengisian program induksi kakitangannya.



SEBAHAGIAN Pegawai dan Kakitangan Perempuan Nexus Sendirian Berhad diberikan tugas masing-masing, antaranya dengan membersihkan cermin-cermin di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (kanan), sementara gambar kanan sekali, antara Pegawai dan Kakitangan lelaki Nexus Sendirian Berhad mencat dalam bangunan pentadbiran pusat berkenaan.

Riyak merosakkan segala kebaikan

منجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولان قوسة دعوه اسلاميه

RIYAK bermaksud menunjukkan amalan kebaikan yang dilakukan kepada orang lain dengan tujuan ingin mencari kedudukan yang tinggi di hati orang, mencari kemegahan, supaya mendapat pujian, supaya ia dipuja dan disanjung, supaya ia dibesarkan oleh orang, supaya ia dikasih oleh orang dan sebagainya.

Riyak adalah perbuatan tercela yang amat dibenci dalam agama Islam sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ma'un, ayat 4 - 6 yang tafsirnya : "Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (Iaitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan riyak".

Perbuatan riyak merupakan syirik kecil yang paling ditakutkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan menimpa umatnya. Hal ini berdasarkan sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Mahmud ibni Labid katanya, Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sesuatu yang aku takutkan menimpa kamu adalah syirik kecil. Mereka bertanya : Wahai Rasulullah apakah syirik kecil itu. Baginda menjawab : Riyak".

Islam memandang perbuatan riyak sebagai suatu wabak atau penyakit rohani yang cukup bahaya dan mengancam kemurnian akidah dan iman serta merosakkan nilai keikhlasan hati keluruhan akhlak dan sebagainya.

Bahaya riyak telah banyak disebutkan dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya perbuatan riyak boleh merosakkan segala kebaikan dan pahala amal kebajikan seseorang itu seperti mana dijelaskan dalam Al-Quran Surah al-Baqarah, ayat 264 yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana riyak (menunjuk-nunjuk kepada manusia)".

Dalam hadis lain, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda yang maksudnya : Allah tidak menerima sesuatu amalan yang terdapat di dalam riyak walaupun habuk sekalipun.

Begini juga tanpa kita sedari, perbuatan riyak hanya merugikan diri sendiri dan sia-sia. Hadis riwayat Imam Ahmad,

dari pada Mahmud bin Labid, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Bahawa yang sangat aku takutkan menimpa ke atas kamu ialah (syirik kecil) perbuatan menyekutukan Allah secara kecil," ditanya oleh sahabat, "Apa dia syirik kecil itu?" Jawab Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Ia ialah riyak, pada hari kiamat apabila Allah Subhanahu Wata'ala membala akan amalan sekalian hamba-Nya," maka Dia berfirman kepada orang yang riyak, "Pergilah kamu kepada orang-orang yang kamu tunjukkan amalan kamu itu (kamu riyak kepada mereka) maka kamu lihatlah, adakah kamu mendapat daripada mereka itu pahala

sebagaimana balasan amalan kamu itu?" maksudnya bahawa orang yang riyak itu akan rugi, Allah tidak memberi mereka pahala, dan orang yang ditunjukkan amalan itu tidak berkuasa memberi pahala, jadinya perbuatan riyak adalah sia-sia sahaja.

Maka itu setiap Muslim hendaklah sentiasa berusaha menjauhi diri daripada sifat riyak. Sebagai seorang yang beriman kita sepatutnya sentiasa memperbaiki niat dan tekad dalam melakukan sesuatu amal kebajikan dengan ikhlas agar segala amalan tidak menjadi sia-sia dan memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala juga.

'MAKA itu setiap Muslim hendaklah sentiasa berusaha menjauhi diri daripada sifat riyak. Sebagai seorang yang beriman kita sepatutnya sentiasa memperbaiki niat dan tekad dalam melakukan sesuatu amal kebajikan dengan ikhlas agar segala amalan tidak menjadi sia-sia dan memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala juga.'

Uji kecerdasan minda dalam pelbagai subjek

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Eire (BSUnion)



PESURUJAYA Tinggi Brunei Darussalam ke United Kingdom, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Rooslina Wetii binti Pengiran Haji Kamaludin menyampaikan hadiah kepada pasukan 'Kurapak Kampung Kitani'.

Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

APA YANG AWDA PERLU LAKUKAN JIKA PELAJAR JATUH SAKIT?

Jika pelajar jatuh sakit di sekolah...

ASINGKAN PESAKIT

Asingkan pelajar di bilik rawatan khusus (sick bay) jika pelajar tersebut demam dan mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan (seperti batuk, selsema dan sakit tekak)

GUNAKAN 'MASK'

Pastikan pelajar tersebut memakai penutup mulut dan hidung (mask) jika pihak sekolah tidak mempunyai bilik pengasingan

HUBUNGI IBUBAPA / PENJAGA

Hubungi dan maklumkan ibubapa / penjaga pelajar dengan segera dan nasihat agar membawa anak mereka untuk mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan terdekat

BEREHAT DI RUMAH

Pastikan pelajar yang sakit berehat di rumah sehingga sembuh sepenuhnya

123 www.moh.gov.bn

LONDON, UNITED KINGDOM, Selasa, 3 Mac. - Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Eire (BSUnion) menganjurkan program 'Challenge University Brunei 2020' di The Royal School of Mines, Imperial College London pada 29 Februari lalu.

Sebanyak 13 buah pasukan yang terdiri daripada empat orang pelajar setiap satu pasukan ikut serta dalam program tersebut. Program tersebut menampilkan setiap pasukan cuba bersaing di antara satu dengan yang lain, khususnya dalam menguji kecerdasan dan pengetahuan untuk mengutip mata yang tinggi.

Pada sesi pagi, program itu menyaksikan pusingan awal, manakala pusingan suku akhir, separuh akhir dan peringkat akhir berlangsung pada sebelah petang. Setiap soalan yang diajukan sangat mencabar, meliputi pelbagai subjek, termasuk kemanusiaan, sains dan pengetahuan mengenai Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan program tersebut, sekali gus menyaksikan pertandingan separuh akhir dan peringkat akhir, Pesuruhjaya

Tinggi Brunei Darussalam ke United Kingdom, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Rooslina Wetii binti Pengiran Haji Kamaludin bersama Pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di United Kingdom, Unit Pelajar Brunei dan beberapa mahasiswa dari pelbagai universiti di United Kingdom.

Sebelum pusingan separuh akhir, Naib Presiden Pentadbiran dan Kewangan Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Eire, Dayangku Nurin Nabeelah binti Pengiran Haji Abu Bakar memberikan ucapan tahniah kepada semua pasukan yang ikut serta pada program berkenaan dan membuatkan acara itu (Brunei University Challenge) paling banyak diikuti sejak ia mula diperkenalkan.

Setiap pasukan memberikan persaingan yang sengit, menunjukkan kepakaran dan kemahiran mereka tentang

pengetahuan dunia sehingga mengagumkan penonton, di mana mereka turut menampilkkan fakta yang jarang diketahui.

Dua pasukan yang berjuang untuk meraih gelaran juara pada pusingan akhir, iaitu pasukan Kurapak Kampung Kitani dan Artificial Intelligence. Pada akhir pertandingan tersebut, pasukan Kurapak Kampung Kitani berjaya membawa pulang piala kejurna.

Tetamu Kehormat Majlis, Pengiran Hajah Rooslina Wetii dijemput untuk menyampaikan hadiah kepada pasukan juara, iaitu Kurapak Kampung Kitani dan naib johan, Artificial Intelligence juga menyempurnakan penyerahan sijil kepada semua pasukan yang ikut serta dalam program itu. Acara tersebut berakhir dengan sesi bergambar rama.

Cabarang The Brunei University Challenge tersebut ditaja oleh Brunei LNG Sdn. Bhd. (BLNG), Royal Brunei Airlines juga Findlay.



UCAPAN alu-aluan daripada Naib Presiden Pentadbiran dan Kewangan Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Eire, Dayangku Nurin Nabeelah (kiri), sementara gambar kanan, para pelajar yang mengambil bahagian.

Dua suspek ditahan miliki peluru

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

MUARA, Selasa, 3 Mac. - Berdasarkan maklumat yang diterima menerusi laman media sosial menemukan seorang pengguna akaun Facebook yang didapati memuat naik dua gambar yang memaparkan beberapa butiran dipercayai menyerupai peluru.

Sejurus menerima maklumat tersebut, keanggotaan Balai Polis Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan siasatan juga pemeriksaan secara langsung terhadap sebuah rumah kediaman di kawasan RPN Kampung

Panchor Mengkubau dan berhasil menemui satu kotak kecil yang berisi dipercayai peluru.

Berikutkan penemuan tersebut, pihak Polis menahan dua orang suspek, iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan dan siasatan diambil alih oleh Unit Siasatan Khas, Jabatan Siasatan Jenayah bagi siasatan lanjut.

PPDB menegaskan kepada orang ramai adalah menjadi satu kesalahan berat di bawah Undang-Undang Negara Brunei Darussalam bagi mana-mana individu yang memiliki,

menyimpan atau mengawal apa-apa senjata api atau peluru (termasuk kelongsong atau mana-mana bahagian daripadanya) dan sesiapa yang bersbahat bersama individu yang memiliki senjata api mahupun peluru secara haram juga akan dikenakan hukuman sama.

Sekiranya awda menjumpai sebarang senjata api atau peluru adalah dinasihatkan menghubungi Talian Polis 993 atau Balai Polis berhampiran untuk tindakan lanjut bagi mengelakkan insiden yang mungkin boleh memudaratkan keselamatan diri.



Obesiti dalam kalangan masyarakat kita

OBESITI bermakna kegemukan yang disebabkan terdapatnya lemak yang berlebihan. Obesiti menimbulkan pelbagai masalah kesihatan seperti penyakit jantung dan tekanan darah tinggi. Orang yang mengalami masalah obesiti juga tidak dapat menikmati kehidupan mereka sepenuhnya kerana badan yang terlalu gemuk sudah semestinya membatasi pergerakan mereka. Mereka juga akan mengalami tekanan akibat perasaan malu dan rendah diri.

Masalah obesiti atau kegemukan dalam kalangan masyarakat terutama sekali kalangan kanak-kanak semakin meningkat dan membimbangkan banyak pihak. Ibu bapa pada masa kini yang sibuk dengan kerjaya masing-masing tidak mampu menjaga pemakanan kanak-kanak yang menyebabkan mereka tidak mengambil berat terhadap makanan yang diambil. Ibu bapa sering mengambil inisiatif yang mudah dengan membeli makanan di luar yang telah diproses atau mengandungi kandungan minyak, gula dan garam yang tinggi untuk menyelesaikan makanan seharian. Apa Pendapat Biskita kali ini cuba memperkatakan tentang masalah punca obesiti dalam kalangan kita. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan diri kita daripada masalah ini?

"Masalah obesiti sebenarnya berlaku disebabkan oleh cara hidup yang tidak sihat seperti tidak menjaga pemakanan seharian. Pengambilan makanan yang berlemak tinggi dan terlalu manis boleh membawa kepada masalah kegemukan. Cara memasak seperti menggoreng juga boleh menjadi penyumbang kepada pengumpulan lemak dalam badan. Untuk mengelakkan obesiti yang berpunca daripada masalah ini, kita hendaklah makan lebih banyak sayur, buah-buahan dan sumber protein yang lain seperti ikan. Kita juga hendaklah mengurangkan penggunaan minyak untuk menggoreng makanan dan memasak dengan cara mengukus, membakar atau merebus."

Selain itu, sikap malas dan tidak suka bersenam juga menjadi punca berlakunya masalah obesiti. Apabila kita terlalu memanjakan tubuh dengan cara tidak melakukan sebarang pergerakan senaman, lemak akan terus terkumpul dalam badan kita. Akhirnya, badan kecil menjadi tembam, gempal dan gemuk. Oleh itu, kita mestilah melakukan senaman sekurang-kurangnya tiga kali seminggu selama 30 minit. Antara senaman yang boleh dilakukan oleh mereka yang malas atau sukar melakukan pergerakan ialah berjalan kaki pantas, berenang atau bermain badminton. Senaman ini dapat mengelakkan kecederaan.

Di samping itu, peningkatan restoran makanan segera dan penjualan makanan dalam bungkus atau tin turut menjadi satu punca obesiti. Restoran makanan segera digemari ramai penduduk Brunei terutama mereka yang bekerja kerana mereka tidak perlu lagi bersusah payah untuk memasak makanan selepas penat bekerja. Walaupun makanan yang disediakan oleh restoran makanan segera ini menyelerakan, orang ramai harus sedar bahawa pengambilan makanan ini haruslah dikurangkan kerana makanan ini tidak berkhasiat dan mengandungi kadar garam, gula dan lemak yang tinggi. Antara langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan diri kita daripada masalah ini adalah dengan mengamalkan pemakanan seimbang. Kita haruslah mengambil kira keperluan karbohidrat, lemak dan zat-zat pemakanan yang sesuai dengan peringkat umur.

Oleh yang demikian, kita haruslah menjadikan piramid makanan sebagai panduan dalam pemilihan menu atau jenis makanan agar hidup lebih sihat. Selain itu, kita juga mestilah makan mengikut waktu secara teratur terutamanya tiga waktu makan yang utama iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam. Antara langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan diri kita daripada masalah ini adalah dengan mengamalkan pemakanan seimbang. Kita haruslah mengambil kira keperluan karbohidrat, lemak dan zat-zat pemakanan yang sesuai dengan peringkat umur. Oleh yang demikian, kita haruslah menjadikan piramid makanan sebagai panduan dalam pemilihan menu atau jenis makanan agar hidup lebih sihat. Selain itu, kita juga mestilah makan mengikut waktu secara teratur terutamanya tiga waktu makan yang utama iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam". - **Abdul Aziz bin Osman, BSB.**

"Kebelakangan ini, masalah obesiti semakin meningkat dalam kalangan rakyat negara kita. Umumnya, obesiti ini mendatangkan pelbagai keburukan khususnya penampilan diri yang tidak menarik. Bukan itu sahaja, mereka yang mengalami masalah ini mudah diserang penyakit. Antara penyakit yang sering dikaitkan dengan obesiti ialah diabetes, darah tinggi dan juga serangan jantung. Kita perlu mendisiplinkan diri dan melakukan senaman sekurang-kurangnya selama 20 minit dalam tiga kali seminggu. Aktiviti senaman ini haruslah dijadikan rutin dalam kehidupan kita.

Selain daripada menjaga pemakanan dan melakukan senaman yang teratur, kita juga tidak seharusnya terpedaya dengan produk pelangsingan badan yang kian berlambak dalam pasaran. Pelbagai produk pelangsingan badan dijual dan diiklankan yang boleh mengaburi mata pengguna. Pengguna haruslah berhati-hati kerana biasanya kandungan bahan-bahan dalam produk pelangsingan badan boleh membahayakan kesihatan malah, kebanyakan produk tiada jaminan keselamatan daripada pihak Kementerian Kesihatan. Kita haruslah sedar bahawa tiada jalan mudah untuk menguruskannya dan mengawal berat badan. Sebaliknya kita perlu mengamalkan gaya hidup sihat, pemakanan seimbang dan senaman dan melakukan aktiviti fizikal secara aktif. Hal ini kerana masalah obesiti hanya dapat dielakkan jika setiap orang berusaha bersungguh-sungguh untuk menjaga kesihatan dan mencapai berat badan yang ideal. Kita haruslah berpegang kepada falsafah peribahasa 'Mencegah lebih baik daripada mengubati' khususnya dalam memastikan kehidupan yang sihat dan terjamin sepanjang masa". - **Hajah Hayati Abu Bakar, Manggis Satu.**

Pada pandangan saya selaku penulis ruangan ini, kesihatan dianggap perkara yang paling penting dalam kehidupan seseorang. Tahap kesihatan menentukan keadaan kehidupan yang dijalani oleh seseorang itu. Semakin baik kesihatan seseorang itu semakin mudahlah mereka mengharungi kehidupan mereka. Malah, ada kajian yang mengaitkan kesihatan yang baik memastikan produktiviti seseorang itu meningkat. Ada banyak kaedah yang boleh digunakan untuk memastikan kesihatan seseorang itu bertambah baik.

Kesimpulannya, menjaga kesihatan merupakan satu tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh semua orang. Penjagaan kesihatan zaman ini juga dianggap menelan belanja yang banyak kerana kesihatan telah dijadikan sebagai satu kegiatan ekonomi. Seseorang itu perlulah bijak dalam menangani isu ini supaya tidak tertipu kerana tidak ada harta yang mampu membeli kesihatan yang baik. Harta yang penting dalam diri manusia ialah kesihatannya bukannya wang ringgit kerana kita boleh hidup tanpa wang tetapi tanpa tanpa kesihatan, nyawa kita akan melayang.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kebaikan Menyertai Sukan Lasak
- ii. Kepentingan Sukan Kepada Negara



ruat bermaksud menjadi sukar tentang pekerjaan, perundingan, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : bisdiurang bapa barunding pasal bakawin-kawinan ani, makin **ruattah** pulang, mana inda macam-macam barubah majilisnya.

rugat bermaksud tanggal, terlepas, atau tercabut daripada tempat asalnya tentang barang.

Contoh pemakaian kata : jangantah dipakai pariuk atu, **rugat** udah tangkainya.

ruha bermaksud

1 tidak tersusun rapi tentang perkakas rumah dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : Salih, cubatah diusai bilikmu ani, **ruha** usulnya.

2 rosak dan tidak sempurna lagi tentang barang.

Contoh pemakaian kata : baru jua dibalinya mainan atu, **ruha** tia sudah ulih anaknya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG MENENGAH



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KUIH LENGGANG

BAHAN UNTUK KULIT :

- 4 cawan tepung
- 2 biji telur
- 3 cawan air
- 1 cawan air pandan yang sudah dikisar
- Sedikit garam
- Pewarna hijau

BAHAN UNTUK INTI :

- 1 biji kelapa parut
- 1 1/2 cawan gula

1 cawan air

1 helai daun pandan

CARA MEMBUATNYA :

Untuk inti : Didihkan air, gula dan daun pandan ke dalam kuali hingga larut dan menjadi perang. Kemudian masukkan kelapa parut dan gaul hingga sebatи.

Untuk kulit : Kisar daun pandan lalu ditapis dan diambil

airnya. Campurkan kesemua bahan, gaul rata hingga tidak bergentel. Kemudian panaskan kuali dengan api yang perlahan. Sapukan kuali dengan minyak setelah itu, masukkan satu senduk adunan kulit ke dalam kuali dan ratakan. Biarkan kulit tersebut masak dan tidak perlu diterbalikkan. Apabila sudah masak, angkat dan biarkan sejuk seketika setelah itu sesudu inti dan gulung dengan kemas.

Derma darah bantu pihak memerlukan



KEMPEN Derma Darah yang diadakan di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.

GADONG, Isnin, 2 Mac. - Bersempena Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun, salah satu kegiatan

yang dirangka pada tahun ini adalah Kempen Derma Darah di Dewan Serbaguna Pusat Latihan dan daerah-daerah Polis lain.



ANGGOTA Pasukan Polis Diraja Brunei ketika mendaftar untuk menderma darah.

Dipenjara, sebat kerana dadah



DADAH jenis Cannabis dan Cannabis Mixture, dadah Kelas A yang dimiliki dan diedar oleh lelaki tempatan.

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan menjatuhi hukuman terhadap seorang lelaki tempatan, iaitu Aeron Tay Wei Chung bagi lima tuduhan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu empat tuduhan di bawah Seksyen 3(A) APD, Penggal 27 kerana memiliki bagi tujuan mengedar dadah jenis Cannabis dan Cannabis Mixture,

dadah Kelas A.

Hukuman yang dikenakan adalah penjara selama lima tahun dan lima kali sebatan bagi setiap tuduhan.

Sementara, satu tuduhan di bawah Seksyen 6(b) APD, Penggal 27 - memakan dadah terkawal, Kelas A, Cannabis. Hukuman yang akan dikenakan adalah denda sebanyak BND1,500 atau tiga bulan penjara jika gagal membayar denda.

Mahkamah mengarahkan hukuman bagi tuduhan dijalankan serentak menjadikan jumlah keseluruhan hukuman kepada lima tahun dan lima kali sebatan. Hukuman dijalankan mulai dari 13 Februari 2020.

Biro Kawalan Narkotik ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27, jika terlibat dengan apa jua bentuk aktiviti berhubung dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah terkawal.

Aktiviti pengedaran dadah terkawal tidak menjamin masa depan seseorang dan ia bukan suatu jalan penyelesaian dalam menghadapi masalah kewangan atau bagi menjana pendapatan dalam menyara kehidupan searian ataupun keluarga.

Mengendar dadah terkawal boleh memberikan impak negatif kepada kesihatan, memusnahkan kehidupan keluarga dan menjelaskan kestabilan juga keselamatan negara. Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah, boleh menghubungi menerusi talian +673 2448877 (waktu pejabat) atau hotline +673 8777444 (selepas waktu pejabat) atau e-mel ke ncb@narcotics.gov.bn.

Didakwa miliki barang curi



MOHAMMAD Hanafi bin Haji Bagol, berumur 37 Tahun didapati memiliki barang curi.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BERAKAS, Selasa, 3 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) khasnya Balai Polis Berakas menahan seorang lelaki warga tempatan kerana terlibat dengan kes memiliki barang curi.

Pada 16 Februari 2020, pihak Polis menerima laporan aduan kehilangan barang yang dipercayai dicuri, iaitu 4 rim sport dan 1 unit water jet yang berlaku di luar kawasan rumah kediaman di Jalan Pasir Berakas.

Hasil siasatan pihak Polis

mendapati suspek membeli 1 unit water jet daripada seorang lelaki yang dipercayai dalang kepada kejadian perlakuan curi di kawasan Jalan Pasir Berakas.

Walau bagaimanapun, suspek memang mengetahui barang tersebut adalah sumber barang curi dan memang berhasrat untuk menjualnya kembali kepada pembeli lain untuk meraih keuntungan yang tinggi.

Suspek bernama Mohammad Hanafi bin Haji Bagol, berumur 37 Tahun dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi pertuduhan di bawah seksyen 414 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu kesalahan membantu menyembunyikan harta curi. Hasil daripada sebutan kes, tertuduh mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama lapan bulan yang bermula pada 2 Mac 2020 di Penjara Maraburong.

PPDB ingin mengingatkan dan menegaskan kepada orang ramai bahawa adalah menjadi satu kesalahan dengan sengaja bersabuhat atau terlibat sama dalam menyembunyikan harta atau barang hasil daripada perbuatan curi.

Pihak Polis tidak akan teragak-agak dan akan mengambil tindakan yang tegas dan sewajarnya juga dihadapkan ke muka pengadilan jika didapati sebarang individu yang cuba atau melakukan perbuatan sedemikian.

Dipenjara 24 bulan kerana Sariqah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac. - Seorang lelaki tempatan disabitkan bersalah pada hari ini oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Bandar Seri Begawan atas kesalahan melakukan Sariqah (Curi) di bawah Bab 55(3)(b) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang setakat dikenakan hukuman Takzir.

Dalam kejadian yang berlaku pada 29 Februari 2020, Waliuddin bin Hassan, berumur 34 tahun, didapati mencuri Minyak Motor Oil Shell Helix daripada salah sebuah kedai di Sengkurong dengan cara memasukkannya ke dalam pakaiannya.

Perbuatan pesalah dirakam melalui rakaman kamera litar tertutup CCTV dan sempat disaksikan oleh pekerja kedai tersebut.

Pesalah disabitkan bersalah dan dihukum penjara selama 24 bulan bermula daripada tarikh pesalah ditahan, iaitu 29 Februari 2020.

Dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah mengambil kira bahawa pesalah pernah dihukum



WALIUDDIN bin Hassan, berumur 34 tahun.

sebanyak enam kali sebelum ini atas kesalahan mencuri.

Mahkamah juga memerintahkan barang yang curi dikembalikan kepada pemiliknya.

Siasatan dijalankan oleh Balai Polis Sengkurong, manakala pendakwaan dijalankan oleh Pendakwa Syarie dari Bahagian Pendakwaan Syarie, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kita



Sirih Junjung tetap relevan di setiap Majlis Hantaran Pertunangan

PERKAHWINAN dalam kalangan masyarakat Melayu memang kaya dengan adat resamnya dan sebahagian daripada adat turun-temurun ini masih diamalkan sehingga sekarang antaranya Sirih Junjung.

Sirih Junjung diperkenalkan sebagai 'kepala dulang' ketika rombongan pihak lelaki menghantar tanda pertunangan atau menghantar berian, di mana Sirih Junjung diletakkan di hadapan sekali sebagai pembuka adat.

Ia merupakan gubahan daripada Daun Sirih yang dihiasi dengan pelbagai bunga-bunga warna-warni yang mana bunga itu melambangkan gadis yang hendak disunting, selain turut melambangkan penyeri dalam kehidupan berumah tangga.

Mengikut tradisi Melayu, terdapat perbezaan penyediaan Sirih Junjung untuk pengantin lelaki dan perempuan. Bagi pihak lelaki, Sirih Junjung hendaklah lebih tinggi berbanding gubahan Sirih Junjung pihak perempuan untuk menunjukkan peranan dan tanggungjawab lelaki sebagai ketua keluarga.

Kebiasaannya gubahan Sirih Junjung tidak lengkap tanpa bahan lain seperti gambir,

kapur, pinang, tembakau dan cengkih. Kesemua bahan yang digunakan dalam gubahan Sirih Junjung mempunyai makna yang tersirat berdasarkan apa yang telah diceritakan oleh orang-orang tua dahulu.

Daun Sirih membawa maksud sifat berani, tidak mudah berputus asa, merendah diri dan sentiasa memuliakan orang lain. Rasa gambir yang kelat kepadait-pahitan melambangkan kecekalan serta keteguhan hati seseorang manakala rasa cengkih yang pedas pula dikatakan perlambangan seseorang yang berpegang kuat pada prinsip hidup.

Selain itu, tembakau menunjukkan seseorang yang berhati tabah dan sedia berkorban dalam segala hal. Kapur pula mencerminkan hati seseorang yang putih bersih serta tulus manakala pinang sebagai lambang keturunan orang yang baik budi pekerti, tinggi darjatnya serta jujur.

Kesemua bahan ini jika disatukan dan dimakan, pasti ia akan timbul rasa masam, masin, manis, dan pahit. Begitulah juga diibaratkan sebagai lambang asam garam kehidupan berumah tangga di antara pasangan suami dan isteri kelak.

Namun pada masa kini, Sirih Junjung

digubah dalam pelbagai bentuk rekaan lebih moden dan menarik mengikut tema dan konsep keperluan pelanggan atau bakal pengantin, jelas Dayang Hajah Norhayati binti Haji Jaini dari Bling by Design Enterprise.

"Dalam gubahan moden, dianggarkan hanyalah 30-40 peratus sahaja bahan terdiri daripada Daun Sirih, selebihnya adalah bunga segar atau bunga plastik atau bunga *real-touch*, di mana gabungan unsur berbeza ini menjadikan gubahan kelihatan lebih moden, menarik dan lebih menyerlah," terangnya.

Selain gubahan Sirih Junjung, beliau juga turut membuat gubahan bagi barang hantaran pengantin seperti gubahan bunga coklat dan duit, gubahan dekorasi *ribbon* bagi majlis-majlis tertentu, gubahan-gubahan pin penyambut tetamu / *door gift* / souvenir for Chinese New Year dan sekarang membuat promosi dan jualan Home-Deco dan perabot rumah secara

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Dayang Hajah Norhayati Haji Jaini dari Bling by Design Enterprise

online.

Secara peribadi beliau berpendapat, budaya adat resam mengetengahkan Sirih Junjung masih kekal relevan kerana beliau sendiri kerap dan masih menerima tempahan mengubah Sirih Junjung bagi bakal-bakal pengantin.

"Di samping itu, tempahan gubahan seperti gubahan Sirih Junjung juga mampu menjana ekonomi seseorang individu. Perkara ini diumpamakan, sambil menyelam sambil minum air, kerana di samping mengekalkan warisan budaya bangsa, kita juga dapat membantu meningkatkan ekonomi kita sendiri," ujar beliau lagi.

Tambahnya, adat resam ialah memaparkan keunikan warisan sesebuah budaya dan masyarakatnya, dari itu warisan budaya harus dikekalkan kerana ia melambangkan dan mencerminkan identiti sesebuah negara dan bangsa tersebut dan tradisi Sirih Junjung juga dapat mengetengahkan warisan budaya Melayu itu.

Etika berhias menurut pandangan Islam



PARA peserta Persatuan MAWAR melalui Biro Pendidikan dan Pembangunan yang menyertai perkongsian, bertajuk 'Tabarujj Dalam Berhias Diri dan Berpakaian' ketika sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Mawar

BANDAR SERI BEGAWAN, dan Pembangunan mengadakan Selasa, 3 Mac. - Persatuan MAWAR melalui Biro Pendidikan

'Berhias' bagi meningkatkan kesedaran orang ramai, khususnya para wanita terhadap perkara ini.

Perkongsian yang berlangsung di Sekolah Menengah Rimba tersebut disampaikan oleh Penceramah Undangan, Penguasa

Dakwah dan Tabligh, Ketua Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Dakwah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan, Penceramah Bertauliah MUIB, Dayang Siti Hurul-Ain Diyana binti Haji Abdul Majid,

Aktiviti kebajikan, kemasyarakatan sempena Hari Polis

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Isnin, 2 Mac. - Pelbagai aktiviti berbentuk kebajikan dan kemasyarakatan dikendalikan bersempena dengan Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun ini.

Baru-baru ini, aktiviti bergotong-royong yang disertai oleh anggota Polis dan penglibatan masyarakat kampung, seperti membersihkan Tanah Perkuburan

Orang Islam dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, yang diadakan di Perkuburan Jariat Besar Kampung Katimahar, kawasan Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kampung Katimahar dan kawasan Tanah Perkuburan Mas Otak Kampung Limau Manis.

Penglibatan beberapa Balai

Polis, seperti Limau Manis dan Sengkurong turut dimeriahkan dengan kehadiran Pegawai-pegawai Menguasa Balai masing-masing dan juga anggota.

Dengan adanya inisiatif melalui rangkaian persahabatan yang dibina bersama penduduk kampung ini diharap akan dapat mengukuhkan lagi keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap pihak Polis dalam kerjasama untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam aman lagi harmoni.



AKTIVITI bergotong-royong disertai oleh anggota Polis dan penglibatan masyarakat kampung ketika membersihkan Tanah Perkuburan Orang Islam.

dipengerusikan oleh Ahli Persatuan Mawar, Dayang Hajah Rozailah binti Haji Abdul Rahman.

Antara objektif utama perkongsian ini adalah untuk memberikan kefahaman kepada para wanita, khususnya golongan para belia mengenai konsep dan tatacara berhias diri dan berpakaian dari segi pandangan Islam seperti etika menggunakan minyak wangi, etika berpakaian yang tidak menonjolkan diri, etika bersolek dan banyak lagi.

Di samping itu, para penceramah mengingatkan para hadirin untuk berbelanja secara berhemah dan berketerampilan sopan. Para peserta juga berpeluang untuk mengajukan soalan-soalan kepada para penceramah.

Turut hadir ke sesi perkongsian ini adalah Penasihat Persatuan MAWAR, Dayang Hajah Nur Afifah binti Haji Matassim dan ahli-ahli persatuan MAWAR lain.

Persatuan MAWAR akan terus menganjurkan lebih banyak program yang memberikan kesedaran dan kefahaman ilmu mengenai berbagai aspek yang berkaitan dengan wanita selaras dengan objektif penubuhannya.

**Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH**

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

! Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung JIKA awda

demam **batuk** **selsema**

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul.**

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuat penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut.

www.moh.gov.bn | | | ©123

51 pasukan sertai Netball Funday JIS



ANTARA peserta daripada 51 pasukan yang menyertai Netball Funday bergambar bersama sijil masing-masing (atas).

Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

JERUDONG, Isnin, 2 Mac. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) menjadi tuan rumah bagi acara komuniti tahunan mereka, Netball Funday terbuka kepada orang ramai yang datang untuk menyokong rakan-rakan dan keluarga mereka.

Lebih daripada 510 orang pelajar daripada beberapa sekolah tempatan, termasuk Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB),

Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah Panaga, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Sekolah Sukan, Sekolah Menengah Arab Katok dan Sekolah Seri Mulia Sarjana.

Para pemain bertanding dalam 157 pertandingan di gelanggang tertutup, gim sekolah dan di kawasan sekolah (12 gelanggang secara keseluruhan).

Sebanyak 51 pasukan dalam

enam kategori kumpulan umur yang berbeza dari bawah sembilan tahun hingga bawah 21 tahun. Setiap pesaing menerima sijil penyertaan.

Pada Netball Funday tersebut turut diadakan vendor makanan, termasuk Mister Softy, The Potato Habit, London Kebab, Fratini's, Boost dan banyak lagi.

ENAM kategori kumpulan umur yang berbeza dari bawah sembilan tahun hingga bawah 21 tahun menyertai perlawanan Netball Funday tersebut.



ALAI PINTAR

SOALAN 021

SOALAN 4 MAC 2020, RABU

Pilih jawapan yang betul bagi setiap soalan.

1. Barang yang diberikan tidak boleh diminta balik kerana boleh _____ penerima
a) menggembirakan hati
b) menyenangkan hati
c) menyakitkan hati
2. Bukit yang tertinggi di Daerah Brunei dan Muara ialah _____
a) Bukit Saeh
b) Bukit Retak
c) Bukit Teraja
3. Kelebihan mandi antaranya ialah menghilangkan segala _____
a) kebersihan
b) kotoran
c) kemas

TARIKH TUTUP : 16 Mac 2020.

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI **BND38.00**

PEMENANG ALAI PINTAR 020 :

Nama : Mohammad Azib bin Mohamad Salleh
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0096175. Sekolah : Arab Rimba

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bagagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 020

1. c) Istinja'
2. a) maaf
3. c) berdoa

Sukan

Pengiran Haji Redzaini, Founder for The Saddlesore Solo Ride



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan Lencana Blowpipe Run dan Borneo Ironman kepada Ahli Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA), Pengiran Haji Redzaini bin Pengiran Haji Ahmad.

KEDUDUKAN TERKINI LIGA SUPER BRUNEI 2020

	P	M	S	K	J	B	MT
1. Indera SC	1	1	0	0	9	0	3
2. Kota Ranger FC	1	1	0	0	7	0	3
3. MS ABDB	1	1	0	0	6	0	3
4. Kasuka FC	1	1	0	0	5	0	3
5. DPMM FC	1	1	0	0	4	0	3
6. Jerudong FC	1	1	0	0	3	0	3
7. BSRC FT	1	1	0	0	3	1	3
8. Wijaya FC	1	1	0	0	2	1	3
9. MS PDB	1	0	0	1	1	2	0
10. Bakes FC	1	0	0	1	1	3	0
11. Tabuan	1	0	0	1	0	3	0
12. Panchor Murai FC	1	0	0	1	0	4	0
13. KB FT	1	0	0	1	0	5	0
14. IKLS MB-5	1	0	0	1	0	6	0
15. Setia Perdana	1	0	0	1	0	7	0
16. Rimba Star FC	1	0	0	1	0	9	0

INFO SUKAN

NEGARA Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah Festival Antarabangsa Motosikal Berkuda Tinggi Kepulauan Borneo (BIIBBF) Ke-21. Bagi mempromosi festival tersebut, salah seorang daripada Ahli Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA), Pengiran Haji Redzaini bin Pengiran Haji Ahmad telah memulakan perjalanan 'Saddlesore Solo Ride 2020' sejauh 3,200 kilometer yang bermula dari Negara Brunei Darussalam kemudian merentasi seluruh daerah di Sarawak, kemudian menuju Sabah sebelum kembali ke tanah air.



Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Salah seorang daripada Ahli Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA), Pengiran Haji Redzaini bin Pengiran Haji Ahmad yang berlepas pada 27 Februari lalu bagi perjalanan 'Saddlesore Solo Ride 2020' sejauh 3,200 kilometer selamat kembali ke tanah air.

Majlis meraikan kepulangan beliau diadakan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mengucapkan selamat kembali, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Kepulangan beliau diraikan dengan Penyampaian Lencana Blowpipe Run dan Borneo Ironman, disampaikan oleh tetamu kehormat.

Perjalanan Pengiran Haji Redzaini bermula dari Negara Brunei Darussalam, kemudian merentasi seluruh Daerah di Sarawak sehingga ke Teluk Melano (0 kilometer), kemudian menuju ke Negeri Bawah Bayu, Sabah, iaitu ke Kudat (Tip of Borneo) dan berakhir di Kota Kinabalu sebelum kembali ke Negara Brunei Darussalam.

Perjalanan Solo Ride beliau bermula 27 Februari lalu secara bersendirian tanpa diiringi mana-mana 'back up' dan kenderaan

lain.

Tujuan acara tersebut adalah untuk mempromosikan 'Festival Antarabangsa Motosikal Berkuda Tinggi Kepulauan Borneo (BIIBBF) Ke-21' yang akan berlangsung pada 26 hingga 28 Jun 2020, di mana Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi acara berkenaan.

Pengiran Haji Redzaini ketika ditemui menjelaskan, beliau menunggang motosikal secara solo tanpa henti dan berjaya mencatatkan rekod sebagai orang yang pertama menunggang motosikal secara bersendirian menjejak '0 Kilometer to Tip of Borneo', iaitu sejauh 1,600 kilometer.

"Perjalanan saya bermula dari Teluk Melano, Sarawak tepat pada jam 12.00 tengah malam dan berakhir di Kudat, Sabah pada jam 10.00 malam, di mana ia adalah perjalanan yang mengambil masa selama 22 jam pada tarikh yang sama tanpa henti," katanya.

Menurutnya, cabaran memang ada, tetapi beliau berasa bersyukur kerana keadaan cuaca daripada memulakan perjalanan hingga ke penghabisan berpihak kepadanya kerana cuaca dalam keadaan baik.

Persediaan dibuat sebelum memulakan perjalanan tambahnya, sememangnya adalah dari segi fizikal dan mental juga keadaan motosikal dalam keadaan yang baik untuk ditunggang.

Beliau berasa bangga kerana menjadi anak Brunei yang pertama melaksanakan ekspedisi tersebut dengan jayanya, sekali gus dengan rasminya menjadi Founder for The Saddlesore Solo Ride.

51 pasukan sertai Netball Funday JIS



AKSI dua pasukan Sekolah Menengah pada acara Netball Funday yang berlangsung di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) (Lihat muka 23).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'ALLAH TIDAK MENERIMA SESUATU AMALAN YANG TERDAPAT DI DALAMNYA RIYAK'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam